

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**

**SOALAN 16 (A179)**

Minta penjelasan daripada Yayasan Pelajaran Johor terhadap notis pemberitahuan kepada penerima Insentif Mahasiswa Anak Johor dan penerima bantuan Laptop SISWA Johor untuk merujuk kepada pejabat ADUN masing-masing, tetapi terdapat para ADUN yang tidak diberi sebarang taklimat berkaitan perkara tersebut.

**JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN**

Untuk makluman YB, pemakluman kepada penerima Bantuan Insentif Mahasiswa Anak Johor (IMAJ) dan Bantuan Laptop Siswa Johor untuk merujuk saluran kawasan masing-masing adalah selaras dengan kaedah pelaksanaan penyerahan bantuan yang diselaraskan sama ada melalui pejabat ADUN atau saluran penyelarasan kawasan yang ditetapkan termasuk Jawatankuasa Penyelaras Daerah (JKPD).

Bagi memastikan pelaksanaan berjalan teratur, pihak-pihak yang terlibat telah diberikan taklimat berkaitan pengurusan bantuan, di samping saluran komunikasi rasmi turut diwujudkan termasuk kumpulan WhatsApp penyelarasan serta pegawai perhubungan (PIC) yang ditetapkan bagi tujuan hebahan dan penyelarasan maklumat.

Untuk makluman Dewan, bagi IMAJ Sesi 1/2026, seramai 51,658 penerima telah diluluskan dengan implikasi kewangan berjumlah RM10.33 juta, dan sebahagian besar penerima telah berjaya menerima bantuan. Bagi sebilangan kecil penerima yang masih belum menerima bantuan, tindakan susulan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh pihak berkaitan berikutan pelbagai faktor termasuk ketidakhadiran semasa sesi penyerahan bantuan.

Bagi **Bantuan Laptop Siswa Johor tahun 2025** pula, melibatkan **4,188 penerima, penyerahan telah selesai dilaksanakan dengan kadar penerimaan 100 peratus.**

Justeru, pelaksanaan bantuan secara keseluruhannya berjalan dengan baik dan isu yang timbul adalah bersifat terpencil serta terus ditangani melalui penyelarasan berterusan bagi memastikan semua penerima yang layak menerima bantuan masing-masing.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)****SOALAN 17 (A83)**

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan status projek rumah mampu milik di Pekan Nanas, termasuk tapak yang dikenal pasti, halangan melibatkan tanah, infrastruktur atau pemaju, jumlah permohonan aktif setempat, serta jangkaan bilakah projek ini dapat benar-benar dimulakan?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Isu rumah mampu milik di Pekan Nanas menyentuh kehidupan sebenar rakyat bagaimana sebuah keluarga membina masa depan, bagaimana anak-anak membesar dengan selesa, dan bagaimana seseorang itu akhirnya dapat memiliki tempat untuk berteduh.

Kerajaan Negeri memahami bahawa keperluan terhadap perumahan yang mampu dimiliki semakin mendesak, bukan sahaja di kawasan bandar utama, malah di kawasan seperti Pekan Nanas. Justeru, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah melihat Pekan Nanas sebagai kawasan pinggiran, sebaliknya sebagai sebahagian daripada Johor yang perlu dibangunkan secara seimbang dan inklusif.

Namun, kita juga perlu bersikap jujur bahawa cabaran utama pada hari ini bukan sekadar merancang projek, tetapi memastikan projek tersebut benar-benar dilaksanakan dan disiapkan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengubah pendekatan daripada sekadar meluluskan projek di atas kertas kepada memastikan pelaksanaan di lapangan. Kejayaan tidak lagi diukur berdasarkan jumlah kelulusan, tetapi berdasarkan jumlah keluarga yang berjaya menerima kunci rumah dan mendiami kediaman mereka.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ), bersama Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Tanah Daerah, telah memperkukuh pemantauan projek secara berkala setiap bulan. Pendekatan ini memastikan semua pihak bergerak secara bersepadu daripada peringkat kelulusan hingga pembinaan dan penyerahan, sekali gus mengelakkan berlakunya kelewatan pembinaan mahupun penawaran.

Dalam masa yang sama, sistem pemantauan PDRC secara digital telah diperkenalkan bagi membolehkan keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek dipantau secara masa nyata. Melalui sistem ini, status kelulusan, kemajuan pembinaan serta peringkat penyediaan termasuk Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dapat dijejaki dengan lebih telus dan teratur. Ini membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti sebarang kelewatan atau isu lebih awal serta mengambil tindakan intervensi dengan segera, di

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

samping meningkatkan kecekapan penyelarasan antara agensi seperti PBT, PTG dan pemaju.

PKPJ turut melaksanakan intervensi di lapangan bersama agensi teknikal dan utiliti bagi memastikan isu dapat diselesaikan dengan segera dan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Kerajaan Negeri tidak lagi bergantung kepada laporan semata-mata, tetapi memastikan tindakan diambil secara terus di tapak.

Tidak cukup dengan itu, kawalan turut diperketatkan melalui Jawatankuasa Perancangan, Rekabentuk dan Penilaian (PDRC). Pendirian Kerajaan Negeri adalah jelas bahawa pembangunan rumah mampu milik mesti dilaksanakan seiring dengan pembangunan pasaran bebas. Situasi di mana rumah pasaran bebas disiapkan terlebih dahulu manakala rumah mampu milik tertanggung tidak akan lagi dibenarkan. Pemaju yang gagal memenuhi tanggungjawab ini tidak akan diberi keutamaan dalam pertimbangan permohonan baharu, dan tindakan pentadbiran yang lebih tegas boleh diambil serta tindakan kaveat pendaftar sekiranya ketidakpatuhan berterusan.

Secara keseluruhan, terdapat 188 unit RMMJ sedang dibina oleh 3 pemaju di Pontian melibatkan 88 unit RMMJ terlibat yang sedang dibina di DUN Pekan Nenas sebagaimana jadual berikut :

BIL	PEMAJU	NAMA PROJEK	DUN	A	B	C	D	KKS	JUMLAH	TAHUN SIAP
1	GJH Development Sdn Bhd	Taman Pontian Perdana	Pekan Nenas			88			88	April 2026
2	Shiya Development Sdn Bhd	Taman Rimba Indah (Fasa 2B)	Kukup		86				86	April 2026
3	Golden Park Garden Sdn Bhd	Taman Sri Semerah	Pulai Sebatang			12			12	Mei 2026
					86	100			186	

Manakala, terdapat 589 unit RMMJ sedang dalam proses permohonan kelulusan di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah, dan KPKT bagi tujuan untuk ditawarkan melibatkan 6 pemaju di Daerah Pontian dalam proses:

PEMAJU	NAMA PROJEK	DUN	A	B	C	D	KKS	JUMLAH	STATUS TERKINI
PIJ Property Development Sdn. Bhd.	RsBJ Pontian - Fasa 1	Pulai Sebatang		46	24			70	- Permohonan APDL telah dibuat dan sedang menunggu kelulusan penuh dari KPKT

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

										- Kerja tanah telah bermula
<b>PIJ Property Development Sdn. Bhd.</b>	RsBJ Pontian Fasa 2	Pulai Sebatang			78				78	-Menunggu ulasan dari PBT untuk endorse Pelan Bangunan -Kerja tanah telah bermula
<b>Khoo Soon Lee Realty Sdn. Bhd.</b>	Rimba Terjun	Kukup			100				100	- Dalam proses dokumentasi bagi permohonan KM
<b>BCB Berhad.</b>	Taman Megah	Pulai Sebatang			138				138	- Dalam proses mendapatkan kelulusan KMS
<b>Shiya Development Sdn. Bhd.</b>	Lot 5373	Kukup	20	42	60	39			161	- Dalam dokumentasi untuk permohonan KM
<b>Tanah Bena Sdn. Bhd.</b>	Taman Nenas	Pekan Nenas			30				30	- Sedang mengemukakan rayuan di PBT untuk fee submission KM, KT, BP dapat digunakan semula dalam Permohonan yang baharu
<b>Teratai Realty Sdn. Bhd.</b>	PTB 4748 - PTB 4749	Benut		6					6	- Permohonan KM telah di luluskan pada peringkat PBT
<b>Urdaneta Heights Sdn. Bhd.</b>	Lot 9235 - Lot 9258	Kukup	6						6	- Dalam proses untuk mengemukakan SBKS pindaan - Dalam proses dokumentasi permohonan BP
			<b>26</b>	<b>94</b>	<b>430</b>	<b>39</b>			<b>589</b>	

PEMAJU	NAMA PROJEK	DUN	A	B	C	D	KKS	JUMLAH	STATUS TERKINI
<b>PIJ Property Development Sdn. Bhd.</b>	RsBJ Pontian - Fasa 1	Pulai Sebatang		46	24			70	- Permohonan APDL telah dibuat dan sedang menunggu kelulusan penuh dari KPKT - Kerja tanah telah bermula
<b>PIJ Property Development Sdn. Bhd.</b>	RsBJ Pontian Fasa 2	Pulai Sebatang			78			78	-Menunggu ulasan dari PBT untuk endorse Pelan Bangunan -Kerja tanah telah bermula

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

<b>Khoo Soon Lee Realty Sdn. Bhd.</b>	Rimba Terjun	Kukup			100			100	- Dalam proses dokumentasi bagi permohonan KM
<b>BCB Berhad.</b>	Taman Megah	Pulai Sebatang			138			138	- Dalam proses mendapatkan kelulusan KMS
<b>Shiya Development Sdn. Bhd.</b>	Lot 5373	Kukup	20	42	60	39		161	- Dalam dokumentasi untuk permohonan KM
<b>Tanah Bena Sdn. Bhd.</b>	Taman Nenas	Pekan Nenas			30			30	- Sedang mengemukakan rayuan di PBT untuk fee submission KM, KT, BP dapat digunakan semula dalam Permohonan yang baharu
<b>Teratai Realty Sdn. Bhd.</b>	PTB 4748 - PTB 4749	Benut		6				6	- Permohonan KM telah di luluskan pada peringkat PBT
<b>Urdaneta Heights Sdn. Bhd.</b>	Lot 9235 - Lot 9258	Kukup	6					6	- Dalam proses untuk mengemukakan SBKS pindaan - Dalam proses dokumentasi permohonan BP
			<b>26</b>	<b>94</b>	<b>430</b>	<b>39</b>		<b>589</b>	

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 18 (A170)**

Adakah kerajaan negeri menyediakan kemudahan pembiayaan khas atau geran usahawan Bumiputera di Johor dan apakah syarat serta kadar kelulusan permohonan setakat ini?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Menerusi agensi Persekutuan iaitu SME Bank setakat 17 April 2026 telah meluluskan pembiayaan kepada 16 usahawan bumiputera berjumlah RM68.67Juta.

Selain itu menerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) telah meluluskan pembiayaan kepada 2 usahawan bumiputera berjumlah RM350,000.00. Kedua – dua agensi ini merupakan ahli Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor.

TEKUN Nasional telah peruntukan sebanyak RM125 juta untuk usahawan Bumiputera di negeri Johor meliputi pelbagai produk pembiayaan dan dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 4,900 usahawan bagi menyokong pembangunan dan pengembangan perniagaan usahawan mikro dan kecil, khususnya dalam meningkatkan kapasiti operasi, aliran tunai serta daya saing dalam pasaran.

Sebagai inisiatif melestarikan usahawan bumiputera di negeri ini, MARA telah menyediakan kemudahan skim pembiayaan perniagaan yang mana setakat 27 April 2026 MARA telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM 5,750,000.00 kepada 68 penerima dikalangan usahawan bumiputera, iaitu sekitar 37.16% daripada jumlah diperuntukkan RM20,260,000.00 pada tahun ini. Pada tahun 2025 yang lepas, MARA telah memperuntukkan sekitar RM36,658,000.00 melibatkan 305 usahawan yang mendapat manfaat di Negeri Johor.

Perincian kepada kemudahan-kemudahan ini adalah seperti dinyatakan ini:-

**i. PEMBIAYAAN HAD MAKSIMUM RM 500 RIBU KEBAWAH:**

**a. Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)**

- Terpakai untuk semua kluster perniagaan
- Usahawan berumur 18 hingga 60 tahun
- Membeli stok/ bahan mentah
- Belanja mengurus
- Pembelian harta tetap (mesin/ peralatan)
- Ubahsuai premis perniagaan
- Had pembiayaan sehingga RM500,000.00
- Faedah: 4%

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**b. Skim Pembiayaan Perniagaan Belia (PUTRA)**

- Lulusan institusi Pendidikan MARA (IPMa)
- Pelajar IPMa yang sedang mengikuti latihan industri atau program inkubator di IPMa
- Generasi Muda/ Belia yang telah menjalankan perniagaan tidak kurang dari tiga (3) bulan dengan perkembangan yang baik
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun semasa permohonan
- Usahawan perlu melibatkan diri separuh masa dalam perniagaan
- Bebas dari senarai hitam MARA
- Perniagaan patuh Syariah
- Belian aset perniagaan
- Modal pusingan
- Had maksimum pembiayaan sehingga RM10,000.00
- Faedah: 0%

**c. Skim Pembiayaan Lulusan IPMa (Semai)**

- Kemudahan pembiayaan kepada lulusan Institusi Pendidikan MARA yang menjalankan perniagaan dalam bidang masing-masing.
- Had pembiayaan sehingga RM50,000.00
- Tanpa penjamin dan cagaran.
- Faedah: 4%

**d. Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK)**

- Bertujuan untuk mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal.
- Lulusan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) dan berjaya menamatkan pengajian
- Institusi teknikal kerajaan/ swasta
- Belian Mesin/ Peralatan
- Modal Pusingan
- Perniagaan kurang 5 tahun beroperasi
- Had Pembiayaan: Minimum: RM3,000.00. Maksimum: RM500,000.00
- Insentif bayaran balik: 60% pembiayaan dan 40% Geran
- Faedah: 0%

**e. Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA)**

- Usahawan Wanita Bumiputera
- Memperhebatkan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan memperkasakan usahawan wanita sedia ada, dan meningkatkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

- pendapatan isi rumah.
  - Had pembiayaan sehingga RM150,000.00
  - Faedah: 3.5%
- f. Skim Pembiayaan Perniagaan Profesional (PROSPEC)**
- Skim pembiayaan untuk golongan professional seperti doktor, akauntan, jurutera dan lain-lain yang menjalankan perniagaan dalam bidang kepakaran mereka.
  - Had pembiayaan sehingga RM500,000.00
  - Faedah: 4%
- g. Skim Pembiayaan Pensijilan Perniagaan (CERT)**
- Usahawan yang memerlukan dana untuk mendapatkan pensijilan seperti Halal, HACCP, GMP, ISO, MesTI, BeSS dan lain-lain.
  - Skop kemudahan pembiayaan adalah bagi pengubahsuaian premis perniagaan, pembelian peralatan dan kos-kos lain yang berkaitan bagi mendapatkan pensijilan.
  - Had pembiayaan sehingga RM100,000.00
  - Faedah 4%
- h. Skim Pembiayaan Usahawan Kelainan Upaya (OKU)**
- Khusus kepada OKU jenis ketidakupayaan kecuali ketidakupayaan mental.
  - Tujuan pembiayaan modal pusingan, belanja mengurus, pembelian peralatan dan ubahsuai.
  - Had maksimum sehingga RM50,000.00
  - Faedah: 0%
- ii. PEMBIAYAAN RM 501 RIBU SEHINGGA RM1 JUTA:**
- i. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)**
- Kemudahan kepada Kontraktor Binaan gred G1-G5, Kontraktor Bekalan, Kontraktor Perkhidmatan dan Kontraktor Elektrik.
  - Mendapat tawaran projek daripada agensi kerajaan, GLC atau syarikat senaraian awam.
  - Had Pembiayaan sehingga RM1 juta.
  - Nilai kelulusan RM250,000 ke bawah dikecualikan daripada jaminan dan cagaran.
  - Kadar keuntungan 6%

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**j. Program Rantaian Industri (PRiN)**

- Kemudahan pembiayaan kepada usahawan pelbagai kluster yang berpotensi mengembangkan perniagaan.
- Had pembiayaan maksimum sehingga RM1 Juta.
- Faedah: 2%.
- Skop Pembiayaan:- Perolehan mesin, peralatan dan jentera, menaiktaraf premis dan ruang kilang, modal pusingan dan mengkomersialkan produk serta perkhidmatan.
- Menyumbang ke arah penambahan bilangan usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan kelas menengah sebagai persediaan menjadi Top Entrepreneur yang menjurus ke arah Global Player.
- Menggalakkan pemindahan teknologi dari luar negara di samping mewujudkan kes limpahan (spill-over effect) dalam membuka peluang dan menarik minat syarikat antarabangsa untuk menjalinkan hubungan perniagaan.
- Program ini menjadi "Player maker" untuk ketersediaan produk usahawan kepada "Program Gate To Global" MARA.

**k. MARA INTEGRATED SMART AUTO (MISA)**

- Objektif: Meningkatkan keupayaan aktiviti perniagaan usahawan automotif Bumiputera melalui transformasi konsep perniagaan konvensional kepada yang berkonsepkan 3S merangkumi Sales, Services dan Spare Parts.
- Skop Pembiayaan: Modal pusingan/ kerja, Ubahsuai bengkel, Pembelian mesin dan peralatan, Stok
- Outcome: Bengkel berkonsepkan 3S merangkumi Sales, Services & Spare Parts.
- Had pembiayaan sehingga RM1 juta.
- Faedah: 2%

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 19 (A63)**

Adakah kerajaan negeri akan membangunkan “Johor Halal Hub” di kawasan strategik seperti JS-SEZ atau daerah lain untuk menarik pelaburan industri halal?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID**

Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui Pelan Kemajuan Halal Negeri Johor 2030 (PKH NJ 2030) telah merangka pembangunan Johor Halal Hub secara berfasa melalui pendekatan pembangunan kluster dan zoning di kawasan strategik serta taman perindustrian sedia ada di seluruh Johor.

Pendekatan ini merangkumi:

i. Pembangunan Hab Halal Utama

Sebagai pusat tumpuan industri halal berimpak tinggi di lokasi strategik.

ii. Pembangunan Kluster dan Hab Satelit Halal di Peringkat Daerah

Seperti yang digariskan dalam pelan, bagi menyokong pembangunan industri secara lebih inklusif berdasarkan kekuatan ekonomi setempat.

iii. Pengukuhan Infrastruktur dan Logistik Halal

Termasuk pembangunan platform logistik halal, kemudahan gudang pengedaran serta terminal khas di pelabuhan bagi mempercepatkan proses eksport dan import produk halal.

*\*\* merujuk PKH NJ 2030, muka surat 81 dan 82.*

Sehubungan itu, bagi menyokong keperluan rantaian bekalan yang lebih cekap, Kerajaan Negeri turut meneliti keperluan kemudahan pengedaran dan penyelarasan logistik secara lebih bersepadu, selaras dengan pembangunan infrastruktur yang digariskan dalam pelan.

Dalam konteks ini, beberapa kawasan pembangunan industri sedia ada sedang dikenal pasti di peringkat awal sebagai antara lokasi berpotensi bagi menyokong pembangunan ini. Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat penilaian dan tertakluk kepada kesesuaian pelaburan, keperluan industri serta perancangan pembangunan negeri secara menyeluruh.

Dalam tempoh terdekat, tumpuan adalah kepada:

i. memperkukuh fasilitasi pensijilan halal,

ii. meningkatkan kecekapan logistik halal, dan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

iii. memperkasa usahawan serta industri sedia ada,

sebagai asas kepada pembangunan ekosistem halal yang lebih menyeluruh pada fasa seterusnya.

Penutup:

Keutamaan Kerajaan Negeri bukan sekadar membangunkan hub fizikal, tetapi memastikan usahawan Johor bukan sahaja mendapat pensijilan halal, malah mampu berkembang menjadi pemain industri dan seterusnya penjana ekonomi sebenar kepada negeri.

Hala Tuju Pelan Kemajuan Halal Negeri Johor 2030

---

MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK BERSEPADU

4.1

OBJEKTIF

PIJH UNTUK MEMACU KLUSTERISASI ZON INDUSTRI DI JOHOR DAN MEMBANGUNKAN PLATFORM LOGISTIK HALAL UNTUK MENYEDIKAN INFRASTRUKTUR YANG LENGKAP KEPADA INDUSTRI HALAL

1. Membangunkan ekosistem Halal bertaraf dunia dan menyeluruh di Johor dengan memanfaatkan ASEAN Industrial Park.

2. Meningkatkan daya saing Malaysia dalam pasaran Halal global dengan memanfaatkan tiga inisiatif ekonomi utama: Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan perkongsian strategik yang dimeterai dengan negara luar (i.e. China).

PELAN TINDAKAN

A. Jangka masa pendek (2025-2026)

1. PIJH mewujudkan kluster Hab Satelit Halal Johor di kawasan perindustrian sedia ada yang turut mendapat manfaat perluasan insentif HALMAS:

i. Johor Halal Development Corporation (JHDC) sebagai penyelaras dalam melancarkan perkongsian maklumat (berkaitan bahan ramuan, pembekal, perkhidmatan dll.), perkongsian perkhidmatan (berkaitan logistik) dan pemberian insentif kepada pelabur / pemain industri.

2. PIJH mewujudkan zon komersial Halal di kawasan perniagaan berkaitan dengan pelancongan dan runcit sedia ada.

3. PIJH membangunkan sistem dan platform logistik Halal bersepadu untuk memastikan kesahihan status produk Halal.

B. Jangka masa panjang (2028-2030)

1. PIJH menjalankan kajian penilaian permintaan untuk mendapatkan maklumat tentang permintaan semasa dan unjuran untuk produk dan perkhidmatan Halal di Johor.

2. PIJH membangunkan ekosistem infrastruktur yang lengkap untuk industri / pembuatan produk Halal untuk melengkapi kemudahan JS-SEZ, merangkumi:

i. Pusat pemprosesan akhir produk dari negara luar - menyasarkan peluang perniagaan menggunakan Malaysia sebagai koridor Halal

ii. Gudang pengedaran

iii. Kompleks pensijilan Halal

iv. Pusat perniagaan dan perdagangan dilengkapi dengan kemudahan digital

3. PIJH bekerjasama dengan JTLab untuk menubuhkan Halal Validation Centre bagi membolehkan proses verifikasi status Halal bagi produk import dan eksport.

SASARAN

1. Menyediakan infrastruktur yang diperlukan (seperti platform logistik Halal dan makmal ujian Halal) menjelang 2026; dan

2. Menjalankan kajian permintaan industri menjelang 2028 mengenai potensi untuk mengembangkan lagi zon perindustrian Halal.

PEMILIK INISIATIF

PIJH dengan kerjasama MPIH, JAKIM, HDC, MAQIS, LPJ dan JTLab

GARIS MASA

Jangka pendek (2025 - 2026): Pewujudan kluster Hab Satelit Halal Johor

Jangka panjang (2028-2030): Pembangunan infrastruktur lengkap

81

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

PELAN KEMAJUAN HALAL NEGERI JOHOR 2030

MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR LOGISTIK BERSEPADU

Kluster Hab Satelit Halal dicadangkan untuk diwujudkan di kawasan taman perindustrian sedia ada

Terdapat tiga lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai Hab Satelit Halal

Iskandar Puteri	1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34
Johor Bahru	35 36 37 38 39 40 41 42 43 44 45
Pasir Gudang	46 47 48 49 50 51 52 53 54 55

Sumber: Profil Daerah Perindustrian Tanah Johor (DPSM), Major Infrastructural Facilities 2021 (MIFA)

82

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 20 (A30)**

Jalan Sejahtera 1, Taman Desa Skudai merupakan jalan yang mengalami kesesakan trafik yang teruk pada waktu pagi dan pulang bekerja. Nyatakan perancangan terkini bagi penaiktarafan jalan tersebut sekiranya HSA2 dibangunkan di kawasan tersebut.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri mengambil maklum berkenaan pembangunan HSA2 yang akan dibangunkan di kawasan ini. Jalan Sejahtera 1, Taman Desa Skudai merupakan jalan negeri dibawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP). Untuk makluman, satu peruntukan telah diluluskan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Pembangunan Hospital Sultanah Aminah 2 untuk melaksanakan Kajian Trafik di sebabkan pembangunan hospital ini dan keperluan menaiktaraf jalan ini akan dilihat melalui kajian ini dan akan diperhalusi jika diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 21 (A39)**

Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan kajian menyeluruh berkenaan permintaan dan penawaran parkir di sekitar kawasan PPR dalam DUN Perling, termasuk penilaian terhadap kadar penggunaan kemudahan parkir sedia ada dan pengoptimuman petak parkir, khususnya di PPR Taman Perling?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Untuk pemakluman Yang Berhormat, PPR Perling mempunyai sebanyak 525 unit kediaman yang terletak di atas lot PTD 133810 dan PTD 52350 dengan keluasan keseluruhan 10.09 ekar. Status hak milik adalah di bawah nama Pesuruhannya Tanah Persekutuan (PTP). Pembangunan ini terdiri daripada tiga (3) plot iaitu Plot A, Plot B dan Plot C yang merangkumi tujuh (7) blok bangunan. Blok A, B, D dan F merupakan bangunan lima (5) tingkat, manakala Blok C, E dan G adalah bangunan sebelas (11) tingkat. PPR Perling ini berada di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP).

Dari aspek penyediaan kemudahan parkir, petak parkir sedia ada telah dibahagikan mengikut tiga (3) plot utama. Bagi Plot A, terdapat 6 petak khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU), 100 petak untuk kegunaan peserta PPR dan 27 petak pelawat. Bagi Plot B pula, disediakan 9 petak OKU, 270 petak peserta dan 28 petak pelawat. Seterusnya, Plot C mempunyai 6 petak OKU, 155 petak peserta dan 14 petak pelawat. Secara keseluruhan, jumlah petak parkir adalah mencukupi dan telah mengambil kira keperluan semasa serta keluasan tapak pembangunan.

Selain itu, setiap unit kediaman dihadkan kepada pemilikan satu (1) kenderaan sahaja berdasarkan kapasiti dan keluasan kawasan parkir yang disediakan. Berdasarkan penilaian pihak Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ), penggunaan petak parkir di PPR Perling telah dioptimumkan sepenuhnya dengan mengambil kira keseimbangan antara jumlah petak parkir peserta dan keluasan tanah yang ada. Penyediaan ini secara asasnya menunjukkan bahawa jumlah petak parkir adalah mencukupi serta memenuhi nisbah satu (1) petak bagi setiap unit kediaman.

Bagi memastikan pengurusan parkir yang lebih teratur dan terkawal, kawasan PPR Perling juga telah melaksanakan sistem berpagar dan berpengawal serta penggunaan pelekat kenderaan bagi penduduk. Pelaksanaan ini bertujuan mengawal kemasukan kenderaan luar, meningkatkan keselamatan kawasan serta memastikan hanya kenderaan yang berdaftar dibenarkan menggunakan kemudahan parkir yang disediakan.

Walau bagaimanapun, PKPJ mengambil maklum bahawa terdapat beberapa isu yang masih timbul berkaitan penggunaan parkir di kawasan tersebut. Sehubungan itu,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Kerajaan Negeri melalui PKPJ akan melaksanakan satu kajian menyeluruh bagi mengenal pasti isu-isu yang berbangkit di PPR Perling. Antara isu yang dikenal pasti termasuk pemilikan lebih daripada satu kenderaan oleh isi rumah serta penyalahgunaan petak pelawat oleh penduduk tetap.

Berdasarkan hasil kajian tersebut kelak, PKPJ akan mempertimbangkan langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian, antaranya penambahbaikan sistem permit/pelekat sedia ada, penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap penggunaan petak pelawat, serta pengoptimuman susun atur parkir sedia ada bagi meningkatkan kapasiti tanpa melibatkan pembangunan baharu.

Kerajaan Negeri melalui PKPJ komited untuk memastikan kemudahan parkir di PPR Perling sentiasa berada pada tahap yang mencukupi, teratur dan mampan. Pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai situasi sebenar di lapangan, seterusnya membantu merangka penyelesaian yang lebih efektif demi kesejahteraan penduduk setempat.

**Sekian, terima kasih.**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**

**SOALAN 22 (A111)**

Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri dalam memperkukuh fungsi Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Negeri Johor sebagai pusat pemulihan holistik yang merangkumi aspek pendidikan, emosi dan pembangunan sahsiah?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Johor (RPKK) merupakan institusi Tempat Selamat yang diwartakan bagi menempatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 54 (Tempat Selamat) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Kerajaan Negeri Johor, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor memang mempunyai perancangan jangka panjang untuk memperkukuh Rumah Perlindungan Kanak-Kanak (RPKK) berpusat pada transformasi fasiliti fizikal dan pemerkasaan modul intervensi yang lebih menyeluruh dan akhirnya kanak-kanak ini dapat diintegrasikan semula di dalam komuniti melalui konsep pemeliharaan berasaskan keluarga.

Fokus utama adalah untuk memastikan setiap anak-anak di bawah perlindungan tidak sekadar "ditempatkan", tetapi mendapat peluang kedua melalui pemulihan holistik. Tindakan yang telah dan sedang dalam pelaksanaan bagi memperkukuhkan fungsi RPKK Johor adalah seperti berikut:

**1. Transformasi Infrastruktur, perjawatan dan Persekitaran Kondusif**

- i. Kerajaan Negeri telah **meluluskan peruntukan** sebanyak **RM2 juta** untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf RPKK Johor yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2026.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor di mesyuaratnya bertarikh **11 Mac 2026 telah memberi kelulusan bagi Cadangan Pengukuhan Perjawatan Kontrak dengan penambahan 13 jawatan baharu pelbagai skim** untuk berkhidmat di institusi ini bagi memastikan pengurusan dan penjagaan kanak-kanak yang ditempatkan di institusi ini pada tahap yang terbaik.

**2. Pengukuhan Aspek Pendidikan**

- i. Memastikan akses berterusan kepada pembelajaran formal dan tidak formal melalui kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, badan Kerajaan dan swasta serta institusi pendidikan tinggi bagi penyediaan kelas pemulihan, pembelajaran digital serta program

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

kemahiran asas bagi memastikan kanak-kanak tidak tercicir daripada sistem pendidikan arus perdana demi kelangsungan masa depan kanak-kanak.

- ii. Kerjasama dengan Ahli Lembaga Pelawat RPKK yang bertanggungjawab membantu pentadbiran institusi khususnya dari aspek kebajikan penghuni dan sebagai jentera yang membantu pihak jabatan mengadakan program, mencari dana dan membuat perundingan dengan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang boleh membantu institusi melaksanakan fungsinya.

### **3. Pemulihan Emosi dan Kesihatan Mental**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ketika ini telah menggerakkan Pegawai Psikologi jabatan dan turut akan bekerjasama dengan pihak-pihak seperti Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak-pihak lain bagi membangunkan **sistem pengurusan kaunseling** yang lebih dinamik di RPKK ini terutamanya dalam memberi intervensi psikososial yang terbaik kepada kanak-kanak di RPKK.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 23 (A95)**

Sejauh manakah PEMADAM di negeri Johor membantu usaha kerajaan membanteras aktiviti melibatkan penagihan dadah terutama dadah jenis sintetik yang semakin berleluasa termasuk menggunakan peralatan seperti VAPE dan apakah aktiviti dan program yang telah dilaksanakan terutama disemua PEMADAM diperingkat daerah?

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) selaku NGO yang ditubuhkan di dalam parlimen pada 22 Mac 1976 terus memainkan peranan yang signifikan sebagai rakan strategik kerajaan dalam usaha membanteras penagihan dadah, khususnya melibatkan penyalahgunaan dadah sintetik yang semakin berleluasa termasuk melalui penggunaan peranti seperti vape. Peranan dan tugas PEMADAM ialah Pendidikan, Pencegahan dan Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Di peringkat pencegahan awal, PEMADAM aktif melaksanakan pendidikan komuniti secara berterusan dengan memberi penekanan kepada pendekatan kesedaran dari akar umbi.

Antara usaha utama adalah penyampaian ceramah dan pameran pendidikan pencegahan di sekolah rendah dan menengah yang memberi pendedahan menyeluruh berkaitan bahaya Dadah, Arak, Rokok, Vape, Inhalan serta HIV/AIDS atau dikenali sebagai pendekatan DARVIH. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, PEMADAM sentiasa menerima jemputan daripada pihak sekolah untuk melaksanakan program advokasi anti dadah dan kesedaran bahaya vape, khususnya dalam kalangan pelajar. Sepanjang tahun 2025, PEMADAM telah menyampaikan ceramah dan pameran antidadah dan bahaya vape di 21 buah sekolah rendah dan 9 buah sekolah menengah. Anggaran keseluruhan pelajar yang terlibat sepanjang tahun 2025 adalah 3500 orang.

Untuk tahun 2026 ini, setakat Mei 2026, PEMADAM Negeri Johor telah menyampaikan ceramah dan pameran Pendidikan Pencegahan Dadah dan Bahaya Vape di 8 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah yang melibatkan keseluruhan pelajar yang terlibat adalah 900 orang.

Di peringkat institusi pengajian tinggi, penglibatan belia turut diperkasa melalui penubuhan dan pengaktifan Kelab Mahasiswa PEMADAM di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang melaksanakan pelbagai program kesedaran berskala kecil tetapi berimpak dalam kalangan mahasiswa dan komuniti setempat. Sepanjang 2025 Kelab Mahasiswa

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

PEMADAM IPT telah melaksanakan sebanyak 11 program Pendidikan Pencegahan Dadah dan DARVIH masing-masing 5 di UTHM dan 6 di UTM.

Walau bagaimanapun, PEMADAM Negeri Johor masih kekurangan sukarelawan penceramah dari daerah-daerah. Justeru itu, PEMADAM Negeri Johor berhasrat untuk menubuhkan kumpulan penceramah muda yang terdiri daripada Alumni Duta Perpaduan yang dilihat mampu menjadipengerak dalam usaha menyampaikan kempen membanteras gejala DARVIH ini di semua peringkat umur terutamanya golongan belia di seluruh negeri Johor.

Selain itu, PEMADAM turut memperkukuh kerjasama strategik bersama pelbagai agensi antaranya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Johor yang sentiasa menjalinkan kerjasama secara konsisten dalam melaksanakan program pencegahan dadah di semua peringkat. Untuk tahun 2025, PEMADAM di setiap daerah telah menyertai program JIHAD anjuran AADK Negeri Johor.

PEMADAM Negeri Johor dengan kerjasama PEMADAM Kebangsaan serta Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menggerakkan Agenda Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) PEMADAM yang menumpukan kepada pembudayaan gaya hidup sihat dalam komuniti. Inisiatif ini selari dengan teras PEMADAM iaitu "Dari Rakyat Untuk Rakyat: Hidup Penuh Erti".

Dalam usaha menangani isu vape dan rokok yang semakin membimbangkan, PEMADAM juga giat menjalankan kempen advokasi kesedaran mengenai bahaya rokok dan rokok elektronik bagi melindungi kesihatan masyarakat, khususnya golongan remaja. Permintaan yang tinggi daripada institusi pendidikan untuk ceramah berkaitan bahaya vape membuktikan keperluan mendesak terhadap intervensi pendidikan ini.

PEMADAM juga terlibat secara langsung dalam memastikan [Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024](#) (Akta 852) berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024 dilaksanakan dengan jayanya. PEMADAM membantu Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan Program Perkhidmatan Berhenti Merokok, bersama dalam Portal Jom Lapor, Jom Sihat dan Jom Quit. PEMADAM juga rakan strategik kepada Inisiatif Kebangsaan Kesihatan Paru-Paru (National Lung Health Initiative) yang meningkatkan kepentingan kesihatan tanpa rokok, vape dan dadah. 20 orang ahli PEMADAM Negeri Johor telah dilatih oleh pihak Kementerian Kesihatan sebagai penggerak untuk membantu mereka-mereka yang berhasrat untuk berhenti merokok. PEMADAM juga tidak meminggirkan pendekatan pemulihan sosial dengan melibatkan komuniti sasaran tertentu termasuk program bersama komuniti hijrah, iaitu golongan yang berusaha untuk kembali kepada fitrah kehidupan yang lebih positif dan dipantau oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Pendekatan ini memberi ruang sokongan sosial dan bimbingan berterusan kepada golongan berisiko.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Pada tahun 2024, seramai 60 orang bekas transgender telah menyertai Kem Jati Diri Darul Ta'zim yang dikendalikan oleh Pasukan 69 Komando PDRM bersama fasilitator dari PEMADAM Kebangsaan dan Negeri Johor. Kumpulan peserta ini masih aktif membantu PEMADAM Negeri Johor dalam membuat sesi perkongsian pengalaman kepada masyarakat yang menyentuh tentang perjalanan transformasi, cabaran hidup dan keputusan untuk kembali kepada fitrah.

Selain program berbentuk ceramah dan intervensi, PEMADAM turut aktif mendekati masyarakat melalui penyertaan dalam pelbagai program komuniti anjuran pihak luar termasuk festival makanan, karnival dan acara masyarakat. Dalam program sebegini, PEMADAM menganjurkan aktiviti mesra komuniti seperti pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan memasak, pakaian kreatif, Qasidah, pocket talk, forum serta pameran pendidikan anti dadah yang melibatkan penyertaan pelbagai golongan masyarakat.

Pendekatan ini membolehkan mesej pencegahan disampaikan dalam suasana santai dan lebih dekat dengan masyarakat.

PEMADAM juga bersedia dan berhasrat untuk terus terlibat secara aktif dalam program anjuran kerajaan negeri seperti Jelajah Orang Johor dan program Orang Muda Johor (OMJ), dengan mengadakan sesi pocket talk, pameran kesedaran serta aktiviti interaktif yang dikendalikan oleh PEMADAM Negeri dan Daerah. Penglibatan dalam platform berskala besar ini mampu memperluaskan capaian mesej pencegahan kepada golongan sasaran secara lebih menyeluruh.

Di peringkat daerah, Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah juga sering mendekati masyarakat dengan pelbagai program anjuran Pejabat Daerah sambil menyampaikan mesej-mesej 'Jauhi DARVIH' dengan mengedarkan flyers yang disediakan oleh AADK daerah. PEMADAM Daerah juga sering membuat program Outreach dengan mendekati keluarga-keluarga asnaf yang berisiko dan mudah terdedah dengan pelbagai masalah social. Pada tahun 2025, seramai 50 keluarga telah berjaya disantuni di seluruh negeri Johor. Keluarga ini bukan setakat di beri bantuan berupa bakul makanan, anak-anak mereka juga dipantau agar tidak terjebak dengan masalah social.

Program ini akan diteruskan pada tahun 2026, dimana 20 keluarga di Tangkak, Kluang dan Johor Bahru telah berjaya disantuni.

Sepanjang tahun 2025, 122 program telah Berjaya dilaksanakan oleh PEMADAM Daerah Negeri Johor. Program-program ini merupakan anjuran PEMADAM Daerah selain bekerjasama dengan agensi lain. PEMADAM Daerah paling aktif adalah PEMADAM Daerah Tangkak, Johor Bahru dan Kluang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, PEMADAM berdepan dengan kekangan kewangan yang memberi kesan kepada pelaksanaan program Pendidikan Pencegahan DARVIH, khususnya di peringkat negeri dan daerah. Kekurangan dana ini menghadkan keupayaan untuk memperluaskan lagi capaian program secara lebih menyeluruh dan berimpak tinggi.

Sebagai NGO yang diletakkan di bawah portfolio Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, PEMADAM berharap agar Kerajaan Negeri Johor dapat menyalurkan peruntukan bagi menampung perbelanjaan operasi dan aktiviti PEMADAM untuk tahun 2026 di peringkat negeri dan daerah.

Bagi memperkukuh pelaksanaan program di semua daerah, langkah penambahbaikan sedang diambil melalui penyelarasan gerak kerja, pengukuhan komunikasi serta pemantauan yang lebih berfokus.

Saya juga merakamkan ucapan setinggi Tahniah kepada YB Pemanis yang dilantik sebagai Ahli Majlis Anti Dadah PEMADAM Kebangsaan. Semoga pelantikan ini dapat membantu memperkasakan PEMADAM Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, PEMADAM terus komited dan relevan dalam membantu usaha kerajaan melalui pendekatan pendidikan, advokasi, komuniti dan sokongan sosial. Namun, pengukuhan dari segi sumber dan sokongan amat penting bagi memastikan gerak kerja ini dapat dipertingkatkan, khususnya dalam menangani cabaran baharu seperti penyalahgunaan dadah sintetik dan penggunaan vape dalam kalangan generasi muda.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)****SOALAN 24 (A143)**

Apakah strategi Kerajaan Negeri Johor dalam memperkasakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) supaya kekal relevan sebagai Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project) di negeri Johor?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)****SOALAN 25 (A110)**

Apakah pendekatan kerajaan negeri dalam memastikan tanah pertanian terus dipelihara dan dioptimumkan penggunaannya, khususnya dalam menghadapi tekanan pembangunan dan perindustrian?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Untuk makluman Yang Berhormat Penawar dan Yang Berhormat Pasir Raja Kerajaan Negeri Johor komited untuk memastikan tanah pertanian terus dipelihara dan dilindungi daripada terus mengecil akibat desakan pembangunan bandar dan industri. Dalam masa yang sama, tanah-tanah tersebut dioptimumkan penggunaannya, khususnya menerusi program-program tanah pertanian yang dikhususkan untuk tujuan pengeluaran agromakanan.

Antaranya, **Lembah Makanan BioDesaru, Kota Tinggi** yang merupakan inisiatif strategik oleh Johor Biotech dalam membangunkan industri rantai bekalan makanan berasaskan bioteknologi melalui pendekatan pertanian komersial yang moden, sistematik dan berteknologi tinggi. Pembangunan ini memberi tumpuan kepada pengukuhan keterjaminan makanan melalui integrasi pelbagai subsektor utama merangkumi pertanian dan jaminan makanan, penanaman, akuakultur, penternakan, agropelancongan, biosekuriti serta rantai bekalan makanan agro.

Untuk rekod semasa penggunaan tanah, 15 projek aktif merangkumi keluasan 2,695 ekar sedang dilaksanakan di Lembah Makanan Biodesaru, meliputi aktiviti pengeluaran berkaitan ternakan ayam, ternakan udang, tanaman kelapa, nanas dan ternakan ruminan serta tenusu.

Kemudian, **Projek AGROMIX Segamat** merupakan satu inisiatif pembangunan pertanian bersepadu yang dikelolakan oleh Pejabat daerah Segamat bersama Jabatan/Agensi berkaitan dalam memberi tumpuan kepada pengukuhan rantai bekalan makanan melalui pengintegrasian pelbagai subsektor utama seperti penanaman, akuakultur, penternakan, dan agropelancongan. Untuk rekod semasa, projek ini melibatkan keluasan keseluruhan sekitar 160 ekar dengan penyertaan seramai 24 peserta merangkumi 18 peserta sektor pertanian, 5 peserta sektor veterinar (penternakan) dan 1 peserta sektor perikanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Manakala, konsep Pembangunan program **TKPM** adalah melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mengenalpasti tanah yang sesuai bagi aktiviti pengeluaran makanan untuk dibangunkan dan diwartakan atau dirizabkan bagi tujuan pembangunan program TKPM manakala Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pembangunan infrastruktur asas gunasama, membimbing, melaksana dan membuat pemantauan program TKPM melalui jabatan Pertanian sebagai agensi pelaksana. Sebagai makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Pertanian sedang melaksanakan sembilan (9) Projek TKPM yang terletak di lima daerah dalam negeri Johor iaitu Daerah Kota Tinggi (4 projek TKPM), Daerah Segamat (2 projek TKPM), daerah Batu Pahat (1 projek TKPM), daerah Muar (1 projek TKPM), dan daerah Pontian (1 projek TKPM) yang melibatkan 88 orang peserta dengan keluasan 509 hektar. Pada tahun 2026 Kerajaan Persekutuan telah meluluskan kepada negeri Johor peruntukan sebanyak RM 600,000 menerusi Projek Pemerksaan Zon Pengeuaran Tanaman Makanan di projek TKPM dan peruntukan sebanyak RM 250,000 menerusi Projek Menaik taraf Jalan Pertanian.

Kerajaan Negeri Johor komited memperkasakan **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** bagi menempuh fasa pemodenan radikal. Transformasi ini bertujuan untuk memastikan TKPM bukan sekadar pusat pengeluaran primer, malah bertindak sebagai pemacu utama kepada **Agenda Keterjaminan Makanan (Food Security) Negeri Johor**.

Berdasarkan hala tuju strategik dalam RMK-13, terdapat empat strategi yang **dilaksanakan dalam memperkasakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) supaya kekal relevan sebagai Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project) di negeri Johor iaitu:**

**Strategi 1. Transformasi Pertanian Pintar (Smart Farming) & IR 4.0**

Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus kepada adaptasi teknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti serta mengoptimumkan kos operasi di Projek TKPM melalui:

- **Sistem Fertigasi Automatik:** Peralihan daripada kaedah konvensional kepada sistem pengairan dan pembajaan automatik yang lebih efisien telah pun dilaksanakan di TKPM Pagoh, TKPM Sri Sembrong, TKPM Seri Bunian, TKPM Lepau dan TKPM Ulu Tiram.
- **Teknologi Dron:** Penggunaan dron bagi tujuan pemantauan kesihatan tanaman secara berkala dan penyemburan input pertanian secara presisi (precision agriculture) telah dilaksanakan di TKPM Sekijang, TKPM Sedili Kecil dan TKPM Sg Lebak, penggunaannya akan diperluaskan kepada beberapa TKPM lain pada tahun akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

- **Aplikasi Internet of Things (IoT):** Pemasangan sensor tanah dan pemantauan cuaca masa nyata bagi memastikan setiap tanaman menerima nutrien yang tepat berdasarkan keperluan biologi tanaman, dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh intensif telah pun digunakan di TKPM Ulu Tiram, TKPM Sri Sembrong, TKPM Pagoh, TKPM Lepau, TKPM Seri Bunian dan TKPM Sedili Kecil.

**Strategi 2. Pengoptimuman Infrastruktur dan Kelestarian Tanah**

Melalui peruntukan besar hasil kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, fokus diberikan kepada pengukuhan tiga fasiliti utama di dalam TKPM:

- **Sistem Saliran dan Pengairan:** Menaiktaraf sistem saliran dan pengairan khususnya di kawasan berisiko seperti, TKPM Lepau, TKPM Jabi dan TKPM Sekijang bagi mendepani fenomena perubahan cuaca ekstrem. Melibatkan peruntukan RM 100,000 pada tahun ini.
- **Logistik Ladang dan mekanisasi ladang:** Penyelenggaraan jalan ladang yang komprehensif bagi memastikan kelancaran rantai logistik dari ladang ke pusat pengumpulan hasil serta menggunakan mekanisasi ladang yang terkini bagi memudah dan mempercepatkan kerja pengurusan dan amalan di ladang.
- **Struktur Pelindung Hujan (SPH):** Menggalakkan penggunaan SPH bagi melindungi tanaman bernilai tinggi daripada serangan penyakit dan kesan cuaca, sekali gus menjamin kualiti hasil yang baik dapat dihasilkan

**Strategi 3. Pemerksaan Generasi Belia Tani dan Usahawan Komersial**

Bagi menjamin kelangsungan sektor pertanian, Kerajaan komited menyuntik elemen profesionalisme dalam kalangan generasi muda:

- **Generasi Belia sebagai peserta TKPM:** 10 % dari keseluruhan jumlah peserta TKPM adalah terdiri dari belia berumur di bawah paras 40 tahun, penglibatan belia dalam TKPM negeri Johor adalah pelaburan jangka panjang yang kritikal. Mereka bukan sekadar "petani", tetapi merupakan "pengurus agrobisnes" yang bakal menentukan hala tuju kedaulatan makanan negeri Johor pada masa hadapan.
- **Usahawan Komersil:** Dalam model pembangunan TKPM, usahawan komersil sering bertindak sebagai "Anchor Company" (Syarikat Peneraju). Terdapat 30% dari semua peserta TKPM di negeri Johor adalah terdiri dari Usahawan komersil yang akan membawa masuk modal swasta yang besar untuk membangunkan infrastruktur ladang yang canggih, serta usahawan komersil ini juga mempunyai kapasiti untuk menguruskan keluasan tanah yang besar secara sistematik, sekaligus mengurangkan kos operasi ladang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**Strategi 4. Pengukuhan Rantainya Bekalan dan Orientasi Eksport**

Mengambil kira kedudukan geografi Johor yang strategik, TKPM diperkasakan sebagai hab bekalan makanan serantau:

- **Johor mempunyai kelebihan geografi** yang unik, dengan kedudukannya yang bersebelahan dengan Singapura, hasil produk dari TKPM Ulu Tiram dan TKPM Sedili Kecil telah mempunyai laluan eksport ke Singapura.
- **Pematuhan persijilan myGAP:** 71 peserta (87% peserta) yang telah memiliki persijilan MyGAP, pemantauan kepada pengurusan perosak dan penyakit oleh Bahagian Biosekuriti Tumbuhan serta pemantauan keselamatan makanan melalui sampel hasil yang dianalisis di Makmal Jabatan Pertanian Ayer Hitam telah membolehkan hasil dari Johor menembusi pasaran Singapura yang mempunyai kawalan ketat melalui [Penguasa Makanan Pertanian dan Ternakan](#) (AVA) Singapura.

Selain itu, terdapat juga Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) rizab padang ragut milik Kerajaan Negeri Johor diselenggara oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor yang disewakan kepada pengusaha ternakan dan tanaman rumput bagi makanan ternakan. TKPM penternakan ini juga merupakan salah satu inisiatif strategik kerajaan bagi menjamin keterjaminan bekalan makanan negara melalui pewartaan kawasan pertanian yang kekal dan produktif. Selaras dengan itu, permohonan peruntukan bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan TKPM diberi keutamaan, merangkumi sistem pengairan, jalan ladang serta fasiliti sokongan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti.

Selain itu, pihak jabatan telah mengadakan temuduga dan menambah seramai 24 orang peserta baru untuk mengusahakan tanah TKPM mengikut perjanjian yang ditandatangani bagi meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran dan memperkasakan daya saing sektor agromakan. Untuk rekod, TKPM penternakan meliputi keluasan berhasil seluas 2,065 hektar, melibatkan peserta seramai 249 penternak dengan populasi keseluruhan 349, 642 ekor ternakan. Proses verifikasi turut dilaksanakan secara berkala setiap tiga (3) tahun dengan pelaksanaan terkini pada tahun 2025, bagi memastikan pemantauan prestasi, pematuhan syarat serta keberkesanan projek sentiasa berada pada tahap optimum.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan tanah pertanian terus kekal sebagai aset strategik negeri dalam menjamin keterjaminan makanan serta meningkatkan pendapatan rakyat secara mampan, selaras dengan aspirasi *Maju Johor*.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 26 (A119)**

Keadaan sungai yang telah mula cetek dan susah untuk bot-bot keluar masuk. Mohon agar kerajaan negeri untuk mendalamkan Muara Sungai Sedili Kecil bagi memudahkan para nelayan keluar masuk mencari rezeki dengan mudah dan dengan ini dapat meningkatkan hasil tangkapan.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap isu mendapan di Muara Sungai Sedili Kecil yang menjejaskan aktiviti harian para nelayan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merangka pelan tindakan seperti berikut:

- i. **Tindakan Jangka Pendek/Sederhana:** JPS sedang dalam proses mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM1,000,000.00 bagi menjalankan kerja-kerja pengerukan (dredging) alur muara. Inisiatif ini bertujuan memastikan laluan bot nelayan sentiasa selamat dan lancar demi meningkatkan hasil tangkapan mereka.
- ii. **Perancangan Jangka Panjang:** Lembangan Sungai Sedili Kecil kini sedang dikaji di bawah Kajian Integrated River Basin Management (IRBM) dan dijangka siap pada awal tahun 2027. Hasil kajian ini akan menjadi asas utama bagi cadangan projek pembangunan dan pemuliharaan sungai secara holistik di masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 27 (A53)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan dasar kawalan waktu pergerakan kenderaan berat di jalan utama sebagai langkah mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak, khususnya pada waktu pagi?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Merujuk kepada undang-undang sedia ada, sekatan jalan hanya boleh dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi jalan persekutuan dan bagi jalan negeri ianya adalah dibawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan dan pihak berkuasa yang berkenaan selepas berunding dengan Ketua Pengarah berhubungan dengan suatu jalan selain daripada jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang atau menyekat daripada memandu atau menggunakan kenderaan-kenderaan atau apa-apa kelas atau perihal tertentu kenderaan-kenderaan dimana-mana jalan atau mana-mana bahagian jalan yang di nyatakan dalam perintah itu, dalam apa-apa hal yang didapati oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana yang berkenaan, bahawa kenderaan-kenderaan itu tidak boleh digunakan atau tidak boleh tanpa apa-apa sekatan digunakan dijalan itu tanpa membahayakan keselamatan kenderaan-kenderaan itu atau orang di dalamnya atau orang atau bahawa jalan itu tidak sesuai untuk di gunakan atau untuk digunakan tanpa apa-apa sekatan, oleh mana-mana kenderaan sedemikian atau bahawa jalan itu adalah suatu jalan dimana larangan atau sekatan itu perlu atau dikehendaki untuk memudahkan jalan itu dibaiki atau dibina.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 28 (A184)**

Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi isu menunggu waktu yang lama di Hospital Segamat?

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Bagi mengatasi isu kesesakan dan waktu menunggu yang lama, Hospital Segamat telah melaksanakan strategi-strategi berikut:

Pengurusan Katil : Mewujudkan Discharge Lounge sebagai ruang transit pesakit stabil dan memperkasakan peranan Bed Managers bagi penyelarasan katil secara real-time.

Optimasi Aliran Kerja: Melaksanakan Early Discharge Plan (Pelan Discaj Awal) untuk mempercepatkan pusingan katil sebelum waktu puncak.

Klinik Pakar Digital: Melaksanakan sistem temujanji berperingkat (ikut slot masa) dan sistem panggilan nombor giliran melalui aplikasi bagi mengurangkan kepadatan di ruang menunggu.

Inovasi Farmasi: Memperluas Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) seperti Ubat Melalui Pos (UMP) untuk memendekkan tempoh menunggu ubat di kaunter.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 29 (A14)**

Bagaimana tapisan BKJ dijalankan bagi kategori mahasiswa kerana terdapat mahasiswa B40 yang memohon bantuan BKJ tetapi tidak terima bantuan tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN**

Untuk makluman YB, tapisan permohonan bagi Bantuan Khas Johor (BKJ) dilaksanakan berdasarkan **dasar, syarat serta kriteria kelulusan yang telah ditetapkan**, dan pertimbangan kelulusan tidak dibuat berdasarkan status B40 semata-mata, sebaliknya mengambil kira keseluruhan syarat kelayakan yang ditentukan bagi sesuatu bantuan.

Setiap bantuan yang disediakan mempunyai **syarat dan parameter penilaian yang berbeza**, antaranya melibatkan kumpulan pendapatan, jenis dan peringkat pengajian, tahun pengajian, kategori institusi pengajian, serta pematuhan kepada keperluan dokumen permohonan yang lengkap dan sah. Dalam sesetengah keadaan, terdapat pemohon yang berpotensi layak namun permohonan tidak dapat dipertimbangkan kerana dokumen penting tidak dilengkapkan atau tidak memenuhi keperluan semakan yang ditetapkan.

Selain itu, kelulusan bantuan juga tertakluk kepada **had siling peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan** bagi setiap skim bantuan. Justeru, pengurusan bantuan perlu dilaksanakan secara bersasar dan berhemah supaya manfaat dapat disalurkan mengikut keutamaan, kelayakan dan kemampuan peruntukan yang tersedia.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat mahasiswa daripada kategori B40 yang tidak menerima bantuan, perkara tersebut tidak semestinya menunjukkan mereka diketepikan, sebaliknya boleh berpunca daripada faktor kelayakan, ketidaklengkapan permohonan atau kekangan had siling peruntukan yang ditetapkan.

Pihak Yayasan Pelajaran Johor sentiasa melaksanakan proses tapisan dengan cermat dan berhati-hati kerana setiap pertimbangan kelulusan adalah tertakluk kepada semakan, rekod dan audit bagi memastikan **ketelusan, akauntabiliti serta penyaluran bantuan yang adil kepada penerima yang benar-benar layak mengikut dasar yang diluluskan**.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 30 (A52)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat melakukan tindakan proaktif dalam membendung isu eksploitasi kanak-kanak sebagai penjaja jalanan di premis sekitar Bandaraya Johor Bahru yang dilihat semakin berleluasa?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Kerajaan Negeri Johor memandang serius isu eksploitasi kanak-kanak sebagai penjaja jalanan khususnya di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Isu ini bukan sahaja melibatkan aspek kebajikan, malah menyentuh soal keselamatan, pendidikan dan hak kanak-kanak yang perlu dilindungi selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah proaktif seperti berikut:

- 1) Mempergiatkan operasi bersepadu secara berkala bersama agensi penguatkuasa lain termasuk Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan di kawasan hotspot sekitar Bandaraya Johor Bahru. Operasi ini bertujuan mengesan dan menyelamatkan kanak-kanak yang terlibat serta mengambil tindakan terhadap pihak yang mengeksploitasi mereka.
- 2) Melaksanakan siasatan menyeluruh ke atas latar belakang kanak-kanak yang terlibat bagi mengenal pasti sama ada wujud unsur pengabaian, kemiskinan tegar atau sindiket eksploitasi. Kanak-kanak yang diselamatkan akan diberi perlindungan sementara di tempat selamat di bawah seliaan JKJM serta dirujuk kepada perkhidmatan sokongan yang bersesuaian atau sekiranya kanak-kanak tersebut dikembalikan kepada keluarga, Jabatan akan melaksanakan intervensi kepada keluarga melalui bantuan kebajikan, kaunseling dan program pemerkasaan ekonomi bagi memastikan ibu bapa atau penjaga tidak menjadikan kanak-kanak sebagai sumber pendapatan.
- 3) Memperluas kempen kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menyokong aktiviti eksploitasi ini secara tidak langsung, di samping menggalakkan orang awam menyalurkan maklumat melalui saluran aduan rasmi serta meningkatkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam aspek advokasi, kesedaran awam dan pelaporan kes.

Kerajaan Negeri Johor komited untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya dan tidak terdedah kepada sebarang bentuk eksploitasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Usaha ini akan terus diperkukuh melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan penguatkuasaan, pencegahan dan pemulihan secara holistik.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)****SOALAN 31 (A178)**

Berapakah jumlah penerima yang layak untuk BKJ bagi kategori Pesakit Kanser dan Dialisis dan berapa banyak yang tidak dituntut berdasarkan daerah dan bagaimanakah wang tersebut boleh dituntut?

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Jumlah penerima yang layak untuk Bantuan Kasih Johor bagi Pesakit Dialisis, adalah seramai 8275 penerima dan Pesakit Kanser adalah 3189 penerima yang layak bagi Fasa 1

Bagi Fasa 2 pula, Jumlah penerima yang layak untuk Bantuan Kasih Johor bagi Pesakit Dialisis adalah 8485 dan pesakit Kanser yang layak adalah seramai 6165 penerima.

Laporan akhir bagi penyaluran BKJ Kanser dan Dialisis ini masih dikumpulkan daripada Pejabat Pejabat ADUN.

Mana mana wang yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri.

<b>BIL</b>	<b>FASA</b>	<b>BANTUAN KASIH JOHOR</b>	<b>PENERIMA LAYAK</b>
1	FASA 1	DIALISIS	8275
2		KANSER	3189
3	FASA 2	DIALISIS	8485
4		KANSER	6166

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 32 (A152)**

Apakah kesan terhadap sektor pengangkutan di negeri ini dalam menghadapi krisis tenaga global dan apakah usaha kerajaan negeri untuk mengimbangi tekanan dengan sokongan bantuan yang lebih bersasar?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Yang Berhormat, krisis tenaga global telah memberi kesan langsung kepada sektor pengangkutan di Negeri Johor, khususnya dari segi peningkatan kos operasi melibatkan harga bahan api, kos logistik serta rantai bekalan.

Kenaikan kos ini memberi tekanan kepada pemain industri pengangkutan termasuk operator bas, lori logistik dan pengangkutan awam, yang seterusnya boleh memberi implikasi kepada kadar tambang, kos penghantaran serta daya saing ekonomi negeri.

Dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan kini melaksanakan subsidi diesel bersasar melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), di mana sektor pengangkutan awam darat terus menikmati harga diesel sekitar RM1.88 seliter, manakala kenderaan logistik darat sekitar RM2.15 seliter melalui penggunaan sistem fleet card.

Pelaksanaan sistem fleet card ini membolehkan syarikat pengangkutan yang layak memperoleh diesel bersubsidi secara terkawal di stesen minyak terpilih, sekali gus membantu mengurangkan tekanan kos operasi dan menstabilkan harga perkhidmatan logistik serta pengangkutan awam. Di peringkat Kerajaan Negeri, pendekatan yang diambil adalah dengan memperkukuh sistem pengangkutan awam serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil melalui penambahbaikan rangkaian laluan, pengukuhan perkhidmatan feeder dan first mile last mile, serta galakan kepada penggunaan mod pengangkutan awam secara lebih meluas.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan peralihan secara berfasa kepada penggunaan bas elektrik serta penambahan infrastruktur pengecasan bagi menyokong operasi pengangkutan awam yang lebih mampan. Inisiatif ini merangkumi penyediaan kemudahan pengecasan di depot dan terminal utama, penyelarasan dengan pihak utiliti bagi memastikan bekalan tenaga mencukupi, serta galakan kepada operator untuk beralih kepada kenderaan rendah karbon, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada diesel dan kos operasi jangka panjang.

Kesimpulannya, walaupun krisis tenaga global memberi tekanan kepada sektor pengangkutan, pelaksanaan bantuan bersasar oleh Kerajaan Persekutuan serta langkah strategik Kerajaan Negeri termasuk peralihan kepada teknologi rendah

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

karbon dijangka dapat mengimbangi impak tersebut, seterusnya memastikan sistem pengangkutan di Negeri Johor kekal cekap, berdaya tahan dan mampan.

Terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)****SOALAN 33 (A61)**

Bagaimana kerajaan negeri melalui jabatan berkaitan membantu pekebun kecil luar bandar menghadapi isu kenaikan kos input pertanian (baja/ racun) dan memastikan mereka mendapat akses terus ke pasar borong tanpa melalui orang tengah?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)****SOALAN 34 (A149)**

Dalam menghadapi Krisis Tenaga Global, bagaimana industri pertanian dan keterjaminan makanan di negeri ini dapat dibantu dengan berkesan?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)****SOALAN 35 (A42)**

Peperangan di Timur Tengah memberi kesan global, apakah strategi kerajaan negeri bagi memastikan bekalan barang makanan asas seperti beras dan minyak masak tidak terputus? Apakah persediaan menghadapi kenaikan kos input pertanian pada situasi harga petroleum naik tidak terkawal?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menghadapi cabaran semasa seperti kenaikan kos input pertanian, ketidaktentuan rantai bekalan global serta impak krisis tenaga dan geopolitik antarabangsa, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan kelangsungan sektor pertanian serta keterjaminan makanan negeri.

Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan telah memperluas pelaksanaan bantuan input seperti baja, racun serta sokongan peralatan pertanian kepada pekebun kecil, khususnya di kawasan luar bandar. Di samping itu, pendekatan penggunaan teknologi seperti mekanisasi dan amalan pertanian moden turut digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada input secara berlebihan serta meningkatkan kecekapan pengeluaran.

Di bawah Belanjawan Johor 2026, Kerajaan Negeri terus memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan penyaluran insentif input pertanian seperti baja dan lain-lain bahan kesuburan serta pemuliharaan tanah dilaksanakan secara efisien. Pada tahun 2026 Jabatan Pertanian telah menerima kelulusan peruntukan menerusi kerajaan Persekutuan berjumlah RM 4.35 juta yang melibatkan dua belas (12) projek pelbagai jenis tanaman Agromakanan dan akan memberikan manfaat kepada 553 petani/usahawan tani dengan keluasan tanaman

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

708 hektar. Kerajaan Negeri pula telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 5.5 Juta melibatkan tiga (3) projek memberikan manfaat kepada 966 petani/usahawan tani dengan keluasan 2,230 hektar. 30% dari jumlah peruntukan tersebut adalah bekalan input pertanian. Fokus diberikan kepada kelestarian rangkaian bekalan bagi mengelakkan gangguan bekalan di peringkat akar umbi.

Dalam menghadapi peningkatan kos tenaga, Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan teknologi cekap tenaga serta pendekatan pertanian pintar (*smart farming*) bagi mengurangkan kos operasi. Menghadapi krisis tenaga global memerlukan peralihan paradigma dalam sektor pertanian, di mana kebergantungan kepada bahan api fosil dan input kimia mahal harus dikurangkan melalui inovasi. Di Johor, strategi ini mula digerakkan melalui integrasi teknologi hijau dan pengoptimuman sumber sisa.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang diambil untuk membantu industri pertanian dan keterjaminan makanan dalam mendepani isu tenaga adalah menerusi Transformasi penggunaan elektrik ke Arah "Agrivoltaic" (Solar Pertanian). Penggunaan tenaga solar merupakan penyelesaian paling praktikal untuk mengurangkan kos elektrik di ladang:

- Pam Air Berkuasa Solar: Menggantikan pam diesel atau elektrik grid untuk sistem pengairan di kawasan projek. Ini mengurangkan kos operasi bulanan petani secara drastik. Seperti yang telah digunakan di kawasan Sawah Padi Air Papan Mersing, melibatkan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM 179,000.00
- Rumah Hijau Pintar: Pemasangan panel solar di bumbung struktur pelindung hujan (SPH) yang membekalkan tenaga untuk sistem fertigasi, penderia IoT, dan lampu LED bagi mengawal kitaran pertumbuhan tanaman.

Selain itu, Kerajaan juga menekankan Pembangunan Ekonomi Kitaran (Circular Bio-economy). Sisa pertanian kini tidak lagi akan dianggap sampah, sebaliknya sumber tenaga dan baja:

- Baja Organik sebagai Ganti Baja Kimia: Memandangkan baja kimia dihasilkan menggunakan gas asli (kos tenaga tinggi), penghasilan baja organik daripada sisa tanaman membantu petani mengurangkan kos input sambil memulihkan kesihatan tanah contoh projek Ekonomi Kitaran adalah:
- Sebagai contoh, aktiviti kitar semula sisa AgroMakanan yang diusahakan oleh Folo Farm di Ban Foo Ulu Tiram, Johor Bahru adalah contoh bagaimana sisa buangan dapur dan tanaman diproses menjadi baja Organik (kompos) dan di kembalikan penggunaannya kepada tanaman. (*From Farm to Farm*) projek ini telah diluluskan peruntukan bernilai RM 500,000 pada tahun ini. Syarikat All

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Cosmos Industries Sdn Bhd, yang berpusat di Pasir Gudang, Johor, menggunakan sisa berasaskan tumbuhan (plant-based waste) sebagai bahan utama dalam penghasilan baja organik dan bio-organik mereka. Antara plant – based waste yang digunakan adalah Sisa Koko (*Cocoa waste*), Sisa Kopi (*Coffee waste*), Sekam Padi (*Rice bran/hulls*), Abu Tandan Kosong Sawit (*Palm bunch ash*), Palm Decanter Cake yang kaya dengan bahan organik dan nitrogen. All Cosmos Industri sdn bhd merupakan rakan strategik kepada Jabatan Pertanian bagi mengalakkan penggunaan organik dikalangan petani/usahawan tani.

Kerajaan Negeri melalui Johor Biotech juga kini berada pada fasa akhir persediaan ke arah pengoperasian Pusat Pengeluaran Bio-Baja sebagai alternatif kepada baja kimia yang semakin meningkat kosnya, sekali gus membantu mengurangkan tekanan kos operasi pekebun kecil. Seiring itu, model pengedaran terus akan dilaksanakan bagi memastikan akses kepada bio-baja dapat diperoleh tanpa melalui rantai perantara. Selain itu, inisiatif di bawah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Negeri Johor (*Johor Agriculture Research and Development Centre - J-ARDC*) memainkan peranan penting dalam pembangunan baja cecair berteknologi nano dengan kerjasama bersama universiti di Thailand. Pelaksanaan kaedah ini adalah sebagai satu usaha meningkatkan kecekapan penggunaan baja melalui kadar serapan nutrien yang lebih baik oleh tanaman. Pendekatan ini membolehkan penggunaan baja dioptimumkan tanpa keperluan penggunaan berlebihan, sekali gus membantu mengurangkan pembaziran input di peringkat ladang. Secara tidak langsung, ia menyumbang kepada kawalan kos pengeluaran serta menyokong amalan pertanian yang lebih cekap dan mampan dalam jangka masa panjang.

Selain itu, penggunaan mekanisasi pertanian melalui pelaksanaan projek berkelompok dan koperasi dengan model perkongsian jentera membolehkan pekebun kecil menyewa peralatan moden pada kadar mampu milik, sekali gus meminimumkan perbelanjaan modal (*CAPEX*) individu. Model ini dipraktikkan oleh 786 pesawah di sepuluh (10) sawah seluruh negeri Johor melibatkan 1613 hektar tanah sawah.

Dalam konteks pekebun kecil, RISDA sentiasa komited membantu pekebun kecil getah dalam menghadapi isu kenaikan kos input pertanian seperti baja dan racun melalui pelbagai pendekatan yang bersasar dan berterusan. Antara langkah utama yang dilaksanakan ialah kenaikan Kadar Bantuan Program Tanam Semula Getah (TSG) bermula RMK-13 iaitu peningkatan dari RM 13,710.00 / Hektar kepada RM 20,000.00 / Hektar. Pecahan bantuan adalah seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

<b>ANSURAN</b>	<b>TEMPOH</b>	<b>KADAR SEHEKTAR (RM) SEMENANJUNG</b>
1	1 tahun selepas ansuran 1	11,000.00
2	1 tahun selepas ansuran 2	2,300.00
3	1 tahun selepas ansuran 3	1,700.00
4	1 tahun selepas ansuran 4	2,200.00
5	1 tahun selepas ansuran 5	2,800.00
<b>JUMLAH</b>		<b>20,000.00</b>

Pemberian bantuan Tanam semula dalam bentuk input pertanian melalui program pembangunan kebun, termasuk bantuan baja bagi meningkatkan kesuburan tanaman serta produktiviti kebun getah. Selain itu, RISDA turut menyediakan bantuan Tanam Semula kepada pekebun kecil yang melibatkan kos penyediaan kawasan, bahan tanaman berkualiti dan penyelenggaraan awal, sekali gus mengurangkan beban kewangan pekebun kecil.

RISDA juga memberi khidmat nasihat teknikal dan bimbingan lapangan kepada pekebun kecil berhubung penggunaan baja dan racun secara berkesan, tepat dan mengikut keperluan sebenar kebun. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan pembaziran kos serta memastikan hasil yang optimum. RISDA juga memperkenalkan kempen '*Pembelian getah secara bermaruah*' dengan menyediakan perkhidmatan pembelian getah secara bergerak, terus kepada Pekebun Kecil tanpa melalui orang tengah dimana RISDA Plantation Sdn.Bhd (RPSB) sebagai pembeli tunggal yang menawarkan harga yang lebih tinggi berbanding peraih luar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pengusaha mendapat pulangan yang lebih adil, Kerajaan Negeri memperluaskan platform pemasaran terus dengan kerjasama dengan agensi seperti FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam menyediakan saluran pemasaran terus daripada pengeluar kepada pengguna. Selain itu, pembangunan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian turut diperkasa bagi mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah dan menstabilkan harga di peringkat ladang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan bagi memastikan bekalan makanan asas seperti beras, ayam dan minyak masak kekal mencukupi dan stabil. Pemantauan rantaian bekalan dilaksanakan secara berterusan, di samping memperkukuh pengeluaran tempatan melalui pelaksanaan program agromakanan serta peningkatan kapasiti pengeluaran dalam negeri.

Kerajaan Negeri turut memberi fokus kepada strategi jangka panjang seperti pengukuhan sekuriti makanan negeri, pembangunan projek berimpak tinggi dalam sektor pertanian serta pengembangan kawasan pengeluaran makanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. Pendekatan ini penting dalam memastikan negeri Johor kekal berdaya tahan dalam menghadapi sebarang ketidaktentuan global.

Pelbagai inisiatif juga dilaksanakan bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat bekalan makanan asas serta mendapat dengan kadar harga yang berpatutan. Untuk itu, Kerajaan negeri telah peruntukan tamabahn sebanyak RM30 juta bagi memperluaskan lagi pelaksanaan Jualan Kasih Johor dan seterusnya menjadikan jumlah keseluruhan bagi tahun 2026 sebanyak RM45.4 juta. Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 2023 sehingga hari ini telah memperuntukkan sebanyak RM72.12 juta bagi pelaksanaan Inisiatif Jualan Kasih Johor.

Program ini bermula pada tahun 2023 dengan peruntukan RM800,000 melibatkan hanya 62 lokasi. Sehingga kini, ia telah berkembang dengan kepada 1,700 lokasi di seluruh negeri, dengan manfaat kepada 6.59 juta penerima manfaat. Perkembangan ini membuktikan bahawa Jualan Kasih Johor telah menjadi antara inisiatif utama Kerajaan Negeri dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup, khususnya dengan menyediakan barangan keperluan makanan asas pada harga yang lebih istimewa kepada Bangsa Johor.

Secara keseluruhannya, pendekatan bersepadu ini bukan sahaja membantu mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh pekebun kecil dan pengusaha, malah memastikan mereka mendapat akses pasaran yang lebih baik serta menjamin kestabilan bekalan makanan negeri. Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkukuh sektor ini demi kesejahteraan rakyat dan keterjaminan makanan yang mampan selaras dengan aspirasi *Maju Johor*.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**

**SOALAN 36 (A130)**

Sungai Balang telah kerap kali mengalami keputusan bekalan air sejak menjelang Syawal ekoran kejadian batang paip pecah. Justeru, apakah usaha dan tindakan kerajaan ambil bagi menangani isu ini agar tidak berulang serta bilakah penggantian batang paip baharu secara total dimulakan?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Yang Berhormat Sungai Balang, ketika musim perayaan lepas direkodkan peningkatan permintaan bekalan di kawasan Sg Balang daripada 12 JLH kepada 14 JLH yang berpunca daripada trend balik kampung. Gangguan bekalan air juga disebabkan kejadian paip pecah berulang kali bersaiz 450 mm dan 600 mm menjelang perayaan.

Pihak Ranhill SAJ telah melaksanakan tindakan jangka pendek dengan menghantar bekalan menggunakan lori tangki, penempatan tangki statik dan pelaksanaan inline injection bagi mempercepatkan proses pemulihan. Penyediaan tangki sedutan dan sistem paip (online pumping) dengan kos sekitar RM1.8 juta juga dilaksanakan bagi tindakan jangka sederhana.

Manakala bagi tindakan jangka panjang, perancangan pemasangan paip agihan bersaiz 700 mm melalui Sg Merbudu sepanjang 11 km dan pembinaan Tangki Bukit Mor dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM17.7 juta. Namun demikian, pelaksanaan projek jangka panjang ini juga tertakluk proses pengambilan balik tanah dan kebenaran merancang (KM).

Selain daripada itu, pelaksanaan kerja-kerja penggantian paip lama juga bersekali untuk pelan jangka panjang bagi kawasan sekitar Jalan Sri Tanjung dan Seri Menanti B yang membabitkan paip sepanjang 10 km bersaiz 300mm dan 100mm dengan jumlah kos sebanyak RM1.8 juta. Program ini masih dalam peringkat penilaian dan penyediaan dokumen.

Pihak Ranhill SAJ juga mengenal pasti kebanyakan pembangunan sedia ada di kawasan ini tidak mempunyai tangki simpanan individu. Oleh yang demikian, pengguna digesa untuk mempunyai tangki simpanan air berkapasiti 140 liter sehingga 450 liter supaya dengan adanya tangki simpanan air ini keupayaan menyimpan air untuk penggunaan harian untuk jangka masa sekurang-kurangnya 24 jam dapat diadakan terutama ketika berlaku gangguan bekalan air tidak terancang.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)****SOALAN 37 (A175)**

Di dalam menghadapi krisis tenaga, apakah insentif yang dirancang oleh kerajaan terhadap Bangsa Johor khususnya kepada para peniaga atau usahawan?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Bagi melestarikan usahawan PMKS yang mampan dalam menghadapi krisis tenaga hari ini, MARA telah melaksanakan beberapa insentif kepada usahawan bumiputera berlandaskan keperluan sebenar mereka. Antaranya adalah digariskan dibawah ini:-

**1. KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA**

Bagi kemudahan Skim Pembiayaan Perniagaan setakat bulan 27 April 2026, MARA Negeri Johor telah meluluskan permohonan usahawan sebanyak RM 5,750,000.00 kepada 68 penerima dikalangan usahawan PMKS bumiputera iaitu sekitar 37.16% daripada jumlah diperuntukkan RM20,260,000.00 pada tahun ini.

**2. PENYEDIAAN PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN**

MARA juga telah menyediakan premis perniagaan dan prasarana sebanyak 62 projek bangunan perniagaan melibatkan 927 lot premis perniagaan di Negeri Johor untuk disewakan kepada usahawan dengan kadar sewaan 30% lebih rendah dari kadar pasaran sewa setempat. Bagi menyokong pertumbuhan perniagaan usahawan-usahawan yang menyewa di premis-premis ini, MARA komited untuk membekukan kenaikan kadar sewa semasa sehingga keadaan krisis ekonomi beransur pulih.

**3. SKIM KEMUDAHAN LATIHAN DAN GERAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN**

Langkah intervensi mendepani cabaran ekonomi tidak menentu ini, MARA juga telah mengambil inisiatif menawarkan skim kemudahan latihan serta geran pembangunan perniagaan dengan peruntukan tahun ini sebanyak RM1,255,000.00. Setakat 27 April 2026 MARA Negeri Johor telah meluluskan 93 program/aktiviti melibatkan seramai 937 penerima manfaat dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 533,747.00.

Antara Skim Kemudahan ditawarkan adalah seperti berikut:-

- a. Latihan Keusahawanan MARA
- b. Program Pembangunan Teknologi: Skim Advance Technology Entrepreneur Deveploment (ADAPT) sehingga RM50,000.00
- c. Peningkatan dan Pembangunan Standardisasi (Produk/Perkhidmatan).
- d. Peningkatan Pendigitalan Dalam Perniagaan (Digitalbiz)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

e. Program Skim Pembangunan Produk/Perkhidmatan HALAL.

**4. PROGRAM PEMULIHAN KREDIT MARA (PPK)**

Bagi meringankan bebanan usahawan bumiputera PMKS, MARA bersedia membantu pelanggan pembiayaan yang terjejas dengan situasi ekonomi global menerusi Program Pemulihan Kredit MARA (PPK). Menerusi program ini, sama ada Penjadualan Semula Bayaran Balik (JSBB) atau Penstrukturan Semula Bayaran Balik (SSBB), tempoh pembiayaan akan dipanjangkan sehingga maksima 36 bulan bagi JSBB dan maksima 120 bulan untuk SSBB tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 38 (A151)**

Bagaimana kerajaan negeri dapat membantu pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mengimbangi tekanan kos tenaga dengan sokongan bantuan yang bersasar dan lebih berkesan?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Bagi melestarikan usahawan PMKS yang mampan dalam menghadapi krisis tenaga hari ini, MARA telah melaksanakan beberapa insentif kepada usahawan bumiputera berlandaskan keperluan sebenar mereka. Antaranya adalah digariskan dibawah ini:-

**1. KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA**

Bagi kemudahan Skim Pembiayaan Perniagaan setakat bulan 27 April 2026, MARA Negeri Johor telah meluluskan permohonan usahawan sebanyak RM 5,750,000.00 kepada 68 penerima dikalangan usahawan PMKS bumiputera iaitu sekitar 37.16% daripada jumlah diperuntukkan RM20,260,000.00 pada tahun ini.

**2. PENYEDIAAN PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN**

MARA juga telah menyediakan premis perniagaan dan prasarana sebanyak 62 projek bangunan perniagaan melibatkan 927 lot premis perniagaan di Negeri Johor untuk disewakan kepada usahawan dengan kadar sewaan 30% lebih rendah dari kadar pasaran sewa setempat. Bagi menyokong pertumbuhan perniagaan usahawan-usahawan yang menyewa di premis-premis ini, MARA komited untuk membekukan kenaikan kadar sewa semasa sehingga keadaan krisis ekonomi beransur pulih.

**3. SKIM KEMUDAHAN LATIHAN DAN GERAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN**

Langkah intervensi mendepani cabaran ekonomi tidak menentu ini, MARA juga telah mengambil inisiatif menawarkan skim kemudahan latihan serta geran pembangunan perniagaan dengan peruntukan tahun ini sebanyak RM1,255,000.00. Setakat 27 April 2026 MARA Negeri Johor telah meluluskan 93 program/aktiviti melibatkan seramai 937 penerima manfaat dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 533,747.00.

Antara Skim Kemudahan ditawarkan adalah seperti berikut:-

- a. Latihan Keusahawanan MARA
- b. Program Pembangunan Teknologi: Skim Advance Technology Entrepreneur Develpoment (ADAPT) sehingga RM50,000.00
- c. Peningkatan dan Pembangunan Standardisasi (Produk/Perkhidmatan).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

- d. Peningkatan Pendigitalan Dalam Perniagaan (Digitalbiz)
- e. Program Skim Pembangunan Produk/Perkhidmatan HALAL.

**4. PROGRAM PEMULIHAN KREDIT MARA (PPK)**

Bagi meringankan bebanan usahawan bumiputera PMKS, MARA bersedia membantu pelanggan pembiayaan yang terjejas dengan situasi ekonomi global menerusi Program Pemulihan Kredit MARA (PPK). Menerusi program ini, sama ada Penjadualan Semula Bayaran Balik (JSBB) atau Penstrukturan Semula Bayaran Balik (SSBB), tempoh pembiayaan akan dipanjangkan sehingga maksima 36 bulan bagi JSBB dan maksima 120 bulan untuk SSBB tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**

**SOALAN 39 (A131)**

Meminta agar kerajaan dapat melebarkan jalan dan menambah lampu jalan di J130 Bukit Mor hingga ke Parit Yusof bagi memberikan keselesaan kepada penduduk kampung kerana jalan tersebut turut digunakan oleh kenderaan berat dan trailer kontena ke Kawasan Perindustrian Parit Jamil.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini pihak kerajaan negeri, belum ada perancangan terperinci untuk melebar jalan J130 ini.

Ianya adalah mengambil kira kadar kepadatan lalulintas, kepesatan pembangunan dan peningkatan sosioekonomi dan melibatkan kos pembinaan dan kos-kos lain seperti peralihan utiliti dan pengambilan balik tanah. Walaubagaimanapun, dalam kerja-kerja rutin dibawah kerja penyelenggara akan membaikpulih jalan dan menambah perabot jalan keselamatan di laluan ini.

Pihak kerajaan sentiasa prihatin untuk memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya sekiranya ianya menjadi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 40 (A2)**

Adakah sasaran 12 juta pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026 masih "on track" dengan krisis Timur Tengah sekarang dan apakah langkah-langkah untuk mitigasi sekiranya terdapat pengurangan pelancong?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor masih mengekalkan sasaran **12 juta pelancong** sempena **Tahun Melawat Johor 2026**. Berdasarkan perkembangan semasa, sasaran ini masih berada di landasan yang baik, khususnya kerana pasaran utama pelancong ke Johor seperti **Singapura, Indonesia dan China** terus menunjukkan trend kemasukan yang positif.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa ketidaktentuan geopolitik global, termasuk krisis di Timur Tengah, boleh memberi kesan kepada aliran pelancong antarabangsa tertentu. Justeru, Kerajaan Negeri melalui **Tourism Johor** telah dan sedang melaksanakan langkah mitigasi secara berfasa dan bersasar bagi mengekalkan momentum sektor pelancongan negeri.

Antara langkah yang dilaksanakan termasuk memperkukuh promosi kepada pasaran serantau dan domestik, khususnya Singapura serta negara-negara ASEAN; memperbanyakkan acara dan produk pelancongan baharu bagi meningkatkan tempoh penginapan serta perbelanjaan pelancong; mempergiat promosi digital dan kempen pemasaran bersasar; serta menambah baik pengalaman pelawat di pintu masuk utama dan destinasi pelancongan negeri.

Semua acara utama turut diselaraskan melalui Calendar of Events Tahun Melawat Johor 2026 yang dipromosikan oleh Tourism Johor bagi memastikan maklumat sampai kepada pelancong dan pemain industri dengan lebih tersusun.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus memantau perkembangan semasa dan menyesuaikan strategi promosi berdasarkan keadaan pasaran. Dengan pendekatan yang berhemah, fleksibel dan berpandukan data semasa, Kerajaan Negeri yakin Johor mampu mengekalkan daya saing sebagai destinasi utama serta berusaha mencapai sasaran yang telah ditetapkan sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 41 (A7)**

Apakah status terkini pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ) bagi tahun 2026, termasuk jumlah penerima dan peruntukan yang telah dibelanjakan serta sejauh manakah keberkesanan bantuan ini dalam memastikan ia benar-benar sampai kepada golongan sasaran?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Penggaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ).

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir RM400 juta dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasaran, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaraskan maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 42 (A8)**

Apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil oleh kerajaan negeri bagi menambah baik proses permohonan dan penyaluran Bantuan Kasih Johor (BKJ) agar lebih cekap dan mesra rakyat supaya tiada yang tercicir?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Penggaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ).

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir RM400 juta dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasar, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaras maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 43 (A10)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperkasa sektor pelancongan di kawasan Taman Negara Tanjung Piai dan Pulau Kukup sebagai destinasi pelancongan utama, serta meningkatkan limpahan ekonomi kepada komuniti setempat?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memperkasa sektor pelancongan di kawasan Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Taman Negara Johor Pulau Kukup sebagai destinasi ekopelancongan utama negeri. Kedua-dua kawasan ini mempunyai keunikan tersendiri dari segi biodiversiti, landskap hutan paya bakau serta pengiktirafan antarabangsa sebagai Tapak Ramsar, iaitu Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa sejak tahun 2003.

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan termasuk Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) telah merangka pendekatan bersepadu yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur pelancongan, pemerkasaan komuniti setempat serta pengukuhan promosi pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Dari segi pembangunan infrastruktur, kerja-kerja menaik taraf kemudahan di Taman Negara Johor Tanjung Piai telah disiapkan sepenuhnya dengan kos keseluruhan berjumlah RM3.33 juta, melibatkan penambahbaikan kemudahan seperti galeri pelawat, laman tiba, kedai cenderamata, tandas, surau serta kemudahan asas lain bagi meningkatkan keselesaan pengunjung.

Bagi Taman Negara Johor Pulau Kukup, kerja-kerja menaik taraf kemudahan pelancongan sedang dilaksanakan termasuk pembinaan jeti baharu bernilai RM20 juta, penambahbaikan laluan pejalan kaki, kemudahan tandas, surau, pusat informasi dan kemudahan pelawat lain bagi memastikan pengalaman pelancong berada pada tahap yang selesa dan selamat.

Selain pembangunan fizikal, Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada pelancongan berasaskan komuniti (Community-Based Tourism) bagi memastikan limpahan ekonomi dapat dinikmati oleh penduduk setempat. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk mempromosikan produk komuniti seperti Homestay Tanjung Piai dan Kukup, produk tempatan seperti Kopi Tenggek serta pelbagai produk makanan dan kraftangan tempatan.

Penduduk setempat juga diberi keutamaan dalam peluang pekerjaan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti pemandu pelancong alam semula jadi,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

pengendali bot, pengusaha homestay serta peniaga kecil di sekitar kawasan taman negara. Pada masa yang sama, Perbadanan Taman Negara Johor turut melaksanakan program pembangunan kapasiti seperti Kursus Pembangunan Nature Guide Taman Negara Johor serta kursus pelancongan avifauna bagi meningkatkan kemahiran pemandu pelancong tempatan.

Keunikan Tanjung Piai sebagai titik paling selatan tanah besar Benua Asia serta ekosistem hutan paya bakau yang kaya dengan kepelbagaian hidupan liar seperti ikan belacak, ketam rebab, memerang dan burung migrasi turut menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Manakala Pulau Kukup pula merupakan antara kawasan hutan paya bakau yang tidak dihuni manusia dan berfungsi sebagai habitat penting bagi ekosistem pesisir pantai.

Dari segi impak ekonomi, aktiviti pelancongan di kawasan ini turut menyokong pelbagai rantai ekonomi setempat termasuk perkhidmatan bot, homestay, perniagaan makanan laut, kraftangan serta perkhidmatan pelancongan lain yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, dengan pembangunan infrastruktur, penglibatan komuniti setempat serta kekuatan dari segi pengiktirafan antarabangsa dan biodiversiti yang unik, Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Pulau Kukup berpotensi besar untuk terus diperkasakan sebagai destinasi ekopelancongan utama negeri Johor serta menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan ekonomi setempat sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 44 (A13)**

Sejauh mana Bantuan Kasih Johor memberi manfaat dan membantu rakyat di negeri Johor secara keseluruhannya? Adakah kerajaan bercadang memperluaskan lagi kategori penerima dan bagaimana pengurusan data dibuat agar penerima yang sama walaupun berlainan kategori, tidak bertindih menerima bantuan BKJ ini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Penggaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan **Bantuan Kasih Johor (BKJ)**.

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir **RM400 juta** dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasar, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaras maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 45 (A56)**

Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melakukan proses pembahagian semula kerusi Dewan Negeri bersama Suruhanjaya Pilihan Raya bagi memastikan jurang perbezaan jumlah pengundi di antara kerusi bandar tidak terlalu luas berbanding kerusi separuh bandar/luar bandar?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman, urusan Kajian Semula Persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Urusan Kajian Semula Persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada hanya boleh dilaksanakan:

(a) selepas tamat lat tempoh 8 tahun; atau

(b) terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat (Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan) atau Dewan Undangan Negeri (Bahagian II Fasal 15, Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895).

Untuk makluman, urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu termasuk Negeri Johor telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk melaksanakan pembahagian semula kerusi Dewan Negeri adalah tertakluk sepenuhnya kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 46 (A69)**

Adakah kerajaan negeri mengakui wujudnya jurang pembangunan antara selatan Johor dan daerah utara seperti Tangkak, dan apakah tindakan konkrit untuk menutup jurang ini dalam tempoh terdekat?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan pembangunan Johor dilaksanakan secara seimbang, inklusif dan berteraskan keperluan rakyat di setiap daerah, termasuk di kawasan utara seperti Tangkak.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Johor Economic Transformation Plan (JETP) sebagai kerangka utama dalam memacu transformasi ekonomi negeri secara menyeluruh dan berfokus. Melalui pelaksanaan ini, setiap daerah diperkasa berdasarkan kelebihan, potensi ekonomi dan kekuatan setempat masing-masing.

Bagi daerah Tangkak khususnya, JETP memberi penekanan kepada peranannya sebagai pusat transit strategik dan destinasi eko-pelancongan. Peranan ini akan diperkukuh melalui pembangunan sektor agro-pelancongan, produk pelancongan berasaskan alam semula jadi serta pengembangan aktiviti ekonomi sokongan yang mampu menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut berpandukan Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030 sebagai instrumen perancangan pembangunan di peringkat daerah. Pelan ini menterjemahkan dasar pembangunan negeri kepada perancangan guna tanah, kawasan pertumbuhan, penyediaan infrastruktur, kemudahan awam serta pemeliharaan alam sekitar secara lebih tersusun dan praktikal.

Di peringkat negeri pula, hala tuju pembangunan jangka panjang diperkukuh melalui Rancangan Struktur Negeri Johor 2040 yang diselaraskan oleh PLANMalaysia Johor. Dokumen ini menjadi kerangka utama dalam merancang pembangunan spatial, ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, dengan mengambil kira keperluan semua daerah.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan tindakan yang praktikal dan berimpak tinggi, termasuk memperkukuh peranan ekonomi daerah, menambah baik kemudahan serta infrastruktur asas, memperkasa pembangunan bandar dan luar bandar, serta memastikan setiap perancangan dilaksanakan secara berfasa dan berkesan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan inisiatif seperti JETP, JS-SEZ serta pelbagai pelan pembangunan negeri dan daerah, Kerajaan Negeri yakin jurang pembangunan antara wilayah dapat terus dirapatkan, seterusnya memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati secara menyeluruh oleh seluruh Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 47 (A72)**

Projek Pusat Pentadbiran Baru Daerah Tangkak telah lama diumumkan tetapi masih tiada kemajuan fizikal, adakah kerajaan negeri gagal memastikan pemaju melaksanakan projek, dan bilakah tarikh sebenar pembinaan akan bermula?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pusat Pentadbiran Baharu Daerah Tangkak pada asalnya telah dipersetujui secara dasar oleh Kerajaan Negeri pada 13 Februari 2008 untuk dilaksanakan secara penswastaaan, tertakluk kepada penelitian terperinci dan persetujuan terma-terma yang berkaitan.

Namun, perlu ditegaskan bahawa sehingga kini tiada perjanjian muktamad ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan pihak syarikat. Ini kerana perincian cadangan pembangunan yang diperlukan bagi membolehkan projek tersebut dilaksanakan masih belum dimuktamadkan oleh pihak berkaitan.

Sehubungan itu, dakwaan bahawa Kerajaan Negeri gagal memastikan pelaksanaan projek adalah tidak tepat. Kerajaan Negeri tidak boleh membenarkan mana-mana projek berjalan tanpa dokumen, terma, cadangan teknikal dan pertimbangan yang lengkap, kerana ia melibatkan kepentingan awam, aset kerajaan serta perancangan pembangunan daerah.

Buat masa ini, beberapa siri perbincangan masih dilaksanakan antara Pejabat Daerah Tangkak dan pihak berkaitan bagi meneliti keperluan sebenar pembangunan, termasuk cadangan bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Tangkak. Pihak syarikat juga telah mencadangkan supaya pembangunan kawasan ini dipertimbangkan melalui mekanisme Request for Proposal (RFP) oleh pihak ketiga.

Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan ini secara menyeluruh berdasarkan keperluan semasa Daerah Tangkak, kemampuan pelaksanaan serta kepentingan rakyat sebelum ia dibawa untuk pertimbangan lanjut Pihak Berkuasa Negeri. Tarikh pembinaan hanya boleh dimuktamadkan selepas kaedah pelaksanaan dan kelulusan berkaitan diputuskan secara teratur.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)****SOALAN 48 (A81)**

Bolehkah kerajaan negeri menjelaskan sama ada terdapat pelan tindakan khusus untuk menaik taraf ekosistem homestay kampung dari segi pendaftaran, standard, latihan, pemasaran dan jaringan agensi, agar Visit Johor 2026 turut memanfaatkan pengusaha kecil dan komuniti luar bandar?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor sememangnya memberi perhatian kepada usaha menaik taraf ekosistem homestay kampung, khususnya bagi memastikan Tahun Melawat Johor 2026 turut memberi manfaat kepada pengusaha kecil dan komuniti luar bandar.

Program homestay yang diselaras oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) merupakan pelancongan berasaskan komuniti, di mana pelancong berpeluang tinggal bersama keluarga tuan rumah serta merasai sendiri kehidupan, budaya dan tradisi masyarakat kampung. Program ini berbeza daripada homestay komersial biasa kerana peserta perlu berdaftar dengan MOTAC, mengikuti kursus yang ditetapkan serta mematuhi piawaian dari aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti perkhidmatan.

Sehubungan itu, Tourism Johor akan terus bekerjasama rapat dengan MOTAC dan agensi berkaitan bagi memperkukuh ekosistem homestay di Johor. Antara tumpuan utama termasuk membantu proses pendaftaran, mempertingkatkan standard perkhidmatan, menyediakan latihan kepada pengusaha, memperluas promosi dan pemasaran, serta memperkukuh jaringan kerjasama antara komuniti, agensi kerajaan dan pemain industri pelancongan.

Kerajaan Negeri percaya bahawa homestay kampung bukan sekadar tempat penginapan, tetapi satu produk pelancongan komuniti yang mampu mengangkat budaya tempatan, menjana pendapatan tambahan kepada keluarga luar bandar dan memastikan limpahan ekonomi Tahun Melawat Johor 2026 sampai terus kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 49 (A85)**

Minta dinyatakan apakah bentuk strategi bantuan bersasar yang disediakan bagi membantu rakyat dan perniagaan menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi khususnya berkaitan apa yang berlaku di Asia Barat.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memandang serius ketegangan geopolitik di Asia Barat kerana Johor sebagai negeri perdagangan dan pelaburan sememangnya terdedah kepada kesan rantaian ekonomi global, termasuk tekanan terhadap harga tenaga, kos logistik, kos pengangkutan dan input pengeluaran.

Berdasarkan taklimat bersama Kementerian Ekonomi, krisis ini berpotensi memberi kesan kepada kos operasi perniagaan, sektor penerbangan, pelancongan serta harga input pertanian seperti baja, diesel dan makanan ternakan. Namun, hasil pemantauan KPNDN Johor, harga barangan asas seperti sayuran, ayam, daging, hasil laut dan beras import masih terkawal setakat ini.

Sehubungan itu, strategi Kerajaan Negeri adalah bersifat bersasar dan berlapis. Bagi rakyat, Kerajaan Negeri meneruskan inisiatif seperti Jualan Kasih Johor, Bantuan Kasih Johor (BKJ), Baucar Kasih Johor, Infaq Jumaat serta Perumahan Kasih Johor bagi membantu golongan berpendapatan rendah, sederhana dan kumpulan rentan menghadapi tekanan kos sara hidup.

Bagi perniagaan pula, Kerajaan Negeri akan terus memantau impak kos kepada sektor utama, bekerjasama dengan agensi Persekutuan dan negeri, serta meneliti intervensi yang bersesuaian sekiranya keadaan memerlukan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada daya tahan jangka panjang melalui kecekapan tenaga, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan sokongan terhadap agenda sekuriti tenaga negara.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri tidak akan mengambil pendekatan terburu-buru, sebaliknya akan bertindak secara berhemah, berpandukan data semasa dan keperluan sebenar rakyat serta perniagaan, supaya setiap bantuan atau intervensi yang dilaksanakan benar-benar tepat, berkesan dan tidak membebankan kedudukan kewangan negeri.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 50 (A101)**

Melihat sambutan yang amat menggalakkan terhadap tarikan seperti Night Zoo Johor dan Hutan Bandar Johor Bahru, apakah perkembangan terkini produk pelancongan di Johor Bahru dalam usaha memperkukuh daya tarikan bandar ini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tiram dan Yang Berhormat Penawar atas soalan berkaitan perkembangan produk pelancongan di Johor Bahru serta produk baharu sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor terus memperkukuh daya tarikan pelancongan negeri dengan memperkenalkan produk baharu, menaik taraf tarikan sedia ada serta mempelbagaikan pengalaman pelancong, khususnya dalam segmen keluarga, warisan, budaya, ekopelancongan dan rekreasi.

Antara produk pelancongan yang telah dan bakal diketengahkan adalah seperti berikut:

1. Zoo Malam di Zoo Johor
2. Hutan Bandar MBBJ
3. Taman Merdeka Johor Bahru
4. Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar (KWSAB)
5. Muzium Tokoh Johor
6. Taman Rekreasi Teluk Danga
7. Kota Jail
8. Air Terjun Gunung Ledang \
9. Pusat Kebudayaan Daerah Kota Tinggi @ Pengerang
10. Pusat Rekreasi Sungai Lebam
11. Kota Tinggi River Cruise

Secara keseluruhannya, pembangunan dan promosi produk-produk ini dilaksanakan bagi memastikan Johor mempunyai tawaran pelancongan yang lebih segar, pelbagai dan berdaya saing, sekali gus menyokong usaha menjayakan Tahun Melawat Johor 2026 serta meningkatkan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 51 (A102)**

BKJ yang diperkenalkan oleh Kerajaan Johor cukup memberi impak kepada Bangsa Johor. Apakah perancangan Kerajaan Johor dalam menangani dataraya (Big Data) penerima BKJ pada masa hadapan yang berjumlah lebih 500,000 orang bagi mengelakkan golongan wajar menerima terlepas dari menerima bantuan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Penggaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ).

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir RM400 juta dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasar, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaras maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**

**SOALAN 52 (A106)**

Sempena Tahun Melawat Johor, apakah produk pelancongan baharu yang bakal diperkenalkan lagi oleh kerajaan negeri untuk menarik kehadiran pelancong ke seluruh negeri?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tiram dan Yang Berhormat Penawar atas soalan berkaitan perkembangan produk pelancongan di Johor Bahru serta produk baharu sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor terus memperkukuh daya tarikan pelancongan negeri dengan memperkenalkan produk baharu, menaik taraf tarikan sedia ada serta mempelbagaikan pengalaman pelancong, khususnya dalam segmen keluarga, warisan, budaya, ekopelancongan dan rekreasi.

Antara produk pelancongan yang telah dan bakal diketengahkan adalah seperti berikut:

1. Zoo Malam di Zoo Johor
2. Hutan Bandar MBBJ
3. Taman Merdeka Johor Bahru
4. Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar (KWSAB)
5. Muzium Tokoh Johor
6. Taman Rekreasi Teluk Danga
7. Kota Jail
8. Air Terjun Gunung Ledang \
9. Pusat Kebudayaan Daerah Kota Tinggi @ Pengerang
10. Pusat Rekreasi Sungai Lebam
11. Kota Tinggi River Cruise

Secara keseluruhannya, pembangunan dan promosi produk-produk ini dilaksanakan bagi memastikan Johor mempunyai tawaran pelancongan yang lebih segar, pelbagai dan berdaya saing, sekali gus menyokong usaha menjayakan Tahun Melawat Johor 2026 serta meningkatkan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**

**SOALAN 53 (A115)**

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkukuh sistem pangkalan data penerima BKJ bagi mengelakkan pertindihan bantuan serta memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran secara lebih tepat?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Penggaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ).

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir RM400 juta dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasaran, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaraskan maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 54 (A122)**

Tahun 2026 adalah merupakan tahun melawat Johor. Apakah cadangan dan gerak kerja yang akan dilaksanakan di Sedili seiring dengan tahun melawat Johor. Diharapkan Sedili dapat dijadikan salah satu tempat destinasi pelancongan yang akan menjadi impak pembangunan sektor pelancongan negeri Johor.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri memandang serius potensi Sedili sebagai salah satu destinasi ekopelancongan premium dan bukannya sekadar persinggahan sekunder kepada Desaru. Sempena Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan telah merangka gerak kerja khusus yang menjadikan Sedili sebagai “produk butik” (niche tourism) yang menyasarkan pelancong bernilai tinggi yang mendambakan ketenangan alam semula jadi dan keaslian budaya desa.

Antara gerak kerja dan cadangan utama yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama, memperkasa produk ekopelancongan bertaraf antarabangsa. Nadi pelancongan Sedili adalah ekosistemnya yang masih asli, khususnya di Lembangan Sungai Sedili dan kawasan wetland. Promosi “Explore Sungai Sedili” akan diperkukuh kerana kawasan ini merupakan antara tadahan air berhutan sepenuhnya dari hulu ke muara di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Negeri akan meningkatkan kerjasama dengan pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej Sedili Kecil River Cruise yang lebih kompetitif, termasuk pengalaman melihat spesies bakau serta hidupan liar seperti memerang, burung raja udang dan kelip-kelip. Selain itu, pusat konservasi seperti Taman Buaya Teluk Sengat akan diperkasa sebagai pusat pendidikan interaktif dan tarikan keluarga.

Kedua, memperkukuh pelancongan budaya dan gastronomi. Sedili Kecil akan diketengahkan sebagai perkampungan warisan hidup, di mana pengalaman homestay memberi peluang kepada pelancong melihat kehidupan nelayan tradisional, merasai pengalaman menangkap ikan, serta menikmati suasana kampung di tepi sungai. Dari segi gastronomi, restoran makanan laut tempatan akan dipromosikan sebagai sebahagian daripada Jelajah Gastronomi Johor dengan konsep “fresh from jetty to table” sebagai keunikan utama. Selain itu, program seperti Jejak Homestay 2025 Yok Dolan-Dolan Siri 1 dan Siri 2 turut dilaksanakan bagi memperhebat promosi produk pelancongan Sedili melalui platform media sosial dan penglibatan pempengaruh serta industri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

Ketiga, pembangunan infrastruktur dan kemudahan. Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada aspek keselesaan dan aksesibiliti melalui penaiktarafan fasiliti awam seperti tandas, pondok rehat dan papan tanda pelancongan di kawasan pantai Sedili. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menggalakkan pembangunan homestay dan resort butik di kawasan seperti Pantai Temalah dan Sedili Besar dengan sokongan pemudahcaraan pelesenan serta promosi melalui Tourism Johor.

Keempat, integrasi Sedili dengan kluster pelancongan Desaru dan Pengerang. Sedili akan dipasarkan sebagai sebahagian daripada “Laluan Timur Johor”, yang menghubungkan Desaru sebagai pusat pelancongan keluarga, Sedili sebagai ekopelancongan dan budaya, serta Pengerang sebagai pelancongan warisan. Dengan jarak sekitar 30 minit dari Desaru Coast, Sedili merupakan destinasi *day trip* yang sangat berpotensi.

Kerajaan Negeri yakin pendekatan ini akan menjadikan Sedili sebagai destinasi pelancongan berimpak tinggi serta memberi manfaat terus kepada komuniti setempat sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)****SOALAN 55 (A137)**

Sila nyatakan butiran bagi Program “Raya Sekampung Bangsa Johor” dengan memberi maklumat kos penganjuran ikut DUN dan hasil serta impak program ini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Menjunjung kasih **KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim** serta **DYAM Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor**, yang sentiasa menekankan kepentingan memupuk semangat Bangsa Johor sebagai asas kepada perpaduan, keharmonian dan kekuatan negeri.

Program **Raya Sekampung Bangsa Johor** merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi menyantuni rakyat di peringkat akar umbi sempena Aidilfitri, di samping memperkukuh semangat muhibah, kejiranan dan perpaduan dalam kalangan Bangsa Johor.

Program ini dilaksanakan sebagai platform untuk memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri, kepimpinan setempat dan masyarakat, di samping meraikan kepelbagaian Bangsa Johor dalam suasana muhibah, harmoni dan penuh kebersamaan.

Program ini dilaksanakan secara bersasar di kawasan-kawasan kampung, perumahan rakyat dan komuniti setempat dengan penglibatan penduduk, pemimpin masyarakat, agensi pelaksana dan sukarelawan.

Dari segi kos penganjuran, perbelanjaan adalah tertakluk kepada skala program, lokasi, jumlah kehadiran, keperluan logistik serta tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Oleh itu, perincian pelaksanaan diselaras dan direkodkan oleh agensi pelaksana bagi tujuan pemantauan, semakan dan pematuhan.

Dari sudut hasil dan impak, program ini telah memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat melalui penyertaan penduduk setempat, pengukuhan semangat perpaduan serta peningkatan hubungan antara rakyat dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, pelaksanaan program ini turut memberi limpahan ekonomi kepada komuniti setempat, khususnya kepada peniaga kecil, penyedia perkhidmatan, pengusaha makanan, penyedia logistik serta tenaga kerja tempatan yang terlibat.

Secara keseluruhannya, Program Raya Sekampung Bangsa Johor bukan sekadar sambutan perayaan, tetapi merupakan pendekatan Kerajaan Negeri untuk terus mendekati rakyat serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 56 (A171)**

Apakah usaha kerajaan negeri dalam mempromosikan sukan tradisional dan sukan rakyat seperti sepak raga, gasing dan wau di Johor sebagai tarikan pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri Johor komited untuk memartabatkan sukan tradisional dan permainan rakyat seperti sepak raga, gasing dan wau sebagai sebahagian daripada produk pelancongan warisan negeri. Sempena Tahun Melawat Johor 2026, sukan tradisional ini bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti rekreasi, malah sebagai aset budaya hidup yang mampu menawarkan pengalaman pelancongan yang unik dan autentik kepada pelancong domestik serta antarabangsa.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan terus menyokong dan memperkasa penganjuran acara sukan tradisional bertaraf antarabangsa. Antaranya ialah Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang yang telah membuktikan kejayaannya sebagai acara pelancongan utama negeri. Bagi edisi ke-28 yang berlangsung pada Februari lalu, festival ini berjaya menarik penyertaan daripada 57 buah negara dan telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai penyertaan negara terbanyak dalam acara wau. Penganjuran acara berskala besar seperti ini telah menarik ratusan ribu pengunjung dan memberi impak positif kepada sektor pelancongan serta ekonomi setempat.

Selain itu, sukan rakyat seperti sepak raga atau sepak takraw turut dipromosikan melalui penganjuran acara sukan berprestij seperti Liga Sepak Takraw (STL) yang mendapat liputan meluas di peringkat nasional dan antarabangsa melalui siaran langsung di Astro serta penyertaan pemain-pemain profesional termasuk dari negara jiran seperti Thailand. Penganjuran acara seperti ini secara tidak langsung membantu memperkenalkan sukan tradisional kepada audiens yang lebih luas serta menarik minat pelancong sukan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pendekatan desentralisasi pelancongan melalui penganjuran Majestic Johor Festival (MJF) yang melibatkan kesemua 10 daerah di negeri Johor. Melalui platform ini, setiap daerah diberi peluang untuk mengetengahkan keunikan warisan tempatan termasuk sukan rakyat dan permainan tradisional sebagai sebahagian daripada tarikan pelancongan daerah.

Pendekatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelancong untuk menyaksikan pertandingan gasing, wau dan permainan tradisional lain, malah turut membuka ruang kepada mereka untuk menyertai aktiviti interaktif seperti bengkel membuat wau atau

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

mempelajari teknik asas permainan sepak raga. Inisiatif ini juga membantu memastikan limpahan ekonomi pelancongan dapat dirasai secara langsung oleh komuniti setempat di seluruh negeri Johor.

Secara keseluruhannya, sempena Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri menyasarkan penganjuran lebih daripada 100 acara pelancongan berskala besar yang menggabungkan elemen sukan, budaya dan warisan. Melalui pendekatan ini, sukan tradisional seperti wau, gasing dan sepak raga akan terus diperkasakan bukan sahaja sebagai warisan budaya, tetapi juga sebagai tarikan pelancongan yang mampu memperkukuh identiti Bangsa Johor serta menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)****SOALAN 57 (A176)**

Berapakah jumlah penerima yang layak untuk BKJ FASA 3 bagi katogeri Ibu Tunggal dan berapa banyak yang tidak dituntut berdasarkan daerah dan bagaimanakah wang tersebut boleh dituntut?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi BKJ Fasa 3 kategori ibu tunggal, pelaksanaan adalah melalui Insentif Pesona Ibu Tunggal atau I-Pesona yang diselaraskan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) sebagai agensi pelaksana.

Secara keseluruhannya, jumlah penerima bagi kategori ibu tunggal di bawah BKJ Fasa 3 adalah seramai 79,822 orang, termasuk penerima yang telah dikenal pasti melalui pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2. Bagi tahun 2025, sebanyak 35,883 permohonan baharu turut diterima dan diproses.

Daripada jumlah tersebut, seramai lebih 10,000 penerima tidak hadir atau tidak berjaya menerima bantuan dalam tempoh yang ditetapkan, melibatkan jumlah lebih RM3 juta. Baki peruntukan ini telah dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri selepas tamat tempoh penyerahan, selaras dengan tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang tidak dituntut selepas tamat tempoh penyerahan tidak boleh dituntut semula, kerana proses penyerahan BKJ Fasa 3 telah ditutup pada 16 Mac 2026 dan baki peruntukan telah dipulangkan pada 17 April 2026.

Antara faktor utama kegagalan penyerahan bantuan kepada penerima adalah termasuk:

- penerima telah meninggal dunia;
- penerima telah berkahwin semula;
- status bukan lagi ibu tunggal;
- pertindihan atau pendua data;
- penerima gagal dihubungi; dan
- lain-lain faktor berkaitan.

Kerajaan Negeri akan terus menambah baik kaedah semakan, pemakluman dan penyelarasan data bersama agensi berkaitan supaya pelaksanaan bantuan pada masa hadapan lebih tersusun, tepat dan benar-benar sampai kepada golongan sasar.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)****SOALAN 58 (A177)**

Bantuan Kasih Johor (BKJ) merupakan inisiatif yang baik daripada kerajaan di dalam memulangkan kemewahan hasil negeri kepada rakyat. Adakah kerajaan bersedia untuk menyampaikan inisiatif ini secara terus ke akaun bank penerima?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Johor Lama, Pengkaram dan Kukup atas soalan berkaitan pelaksanaan Bantuan Kasih Johor (BKJ).

Untuk makluman, BKJ merupakan antara usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup secara lebih bersasar. Sejak diperkenalkan, BKJ telah dilaksanakan secara berfasa merangkumi pelbagai inisiatif, dengan jumlah peruntukan keseluruhan hampir RM400 juta dan memberi manfaat kepada jutaan Bangsa Johor termasuk golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, pelajar, petani, nelayan serta kumpulan rentan lain.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keberkesanan BKJ berdasarkan prinsip utama iaitu bantuan mesti sampai kepada kumpulan yang benar-benar layak, dilaksanakan secara teratur, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk memperluas kategori penerima akan diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira keutamaan kumpulan sasar, kesahihan data serta kemampuan kewangan negeri.

Berhubung kaedah penyaluran bantuan, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan supaya bantuan disalurkan terus ke akaun bank penerima. Namun, kaedah penyaluran semasa juga mempunyai rasional tertentu, termasuk memberi ruang kepada wakil rakyat, agensi pelaksana dan kepimpinan tempatan untuk menyantuni rakyat secara langsung, menerima maklum balas di lapangan serta memastikan penerima yang mempunyai kekangan akses perbankan tidak tercicir daripada menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menambah baik mekanisme penyaluran bantuan, termasuk meneliti pendekatan pendigitalan yang lebih efisien, selamat dan sesuai dilaksanakan pada masa hadapan.

Dari aspek pengurusan data, Kerajaan Negeri mengambil serius isu pertindihan penerima. Prinsip pelaksanaan BKJ adalah jelas, iaitu bantuan perlu diagihkan secara adil dan bersasar kepada seramai mungkin rakyat yang layak. Justeru, bagi memperkukuh integriti data, Kerajaan Negeri sedang meneliti pembangunan pangkalan data induk atau portal khas BKJ bagi menyelaras maklumat penerima

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

daripada jabatan, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelaksana secara lebih sistematik.

Selain itu, proses semakan silang data, pengesahan agensi pelaksana, semakan lapangan dan pengesahan di peringkat daerah akan terus diperkukuh bagi meminimumkan pertindihan, mengelakkan ketirisan dan memastikan tiada golongan yang benar-benar layak tercicir.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menambah baik pelaksanaan BKJ secara berperingkat, berpandukan data yang disahkan, tatacara kewangan yang berkuat kuasa dan keperluan sebenar rakyat. Matlamat kita jelas dimana setiap bantuan mesti disampaikan dengan lebih cepat, tepat, berhemah dan memberi impak maksimum kepada kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 7 MEI 2026**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 59 (A188)**

Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk melaksanakan dasar Bekerja Dari Rumah (Work From Home) bagi sektor awam, agensi, dan badan berkanun.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sedang melaksanakan kajian bagi menilai **impak pelaksanaan kaedah Bekerja Dari Rumah (Work From Home)** dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Kajian ini dilaksanakan sebagai langkah menimbangankan kesesuaian pelaksanaannya, khususnya dalam memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan awam dapat terus dikekalkan dalam apa jua situasi, termasuk mengambil kira perkembangan semasa seperti konflik di Asia Barat.

Kajian tersebut turut menilai aspek keberkesanan operasi, keperluan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, serta kesediaan organisasi dan sumber manusia dalam melaksanakan kaedah kerja yang lebih fleksibel.

Hasil dapatan kajian ini akan dibentangkan bersama cadangan pelaksanaan kepada **Pihak Berkuasa Negeri** untuk pertimbangan selanjutnya.

**Sekian, terima kasih.**